2012 concept for the lab was to emphasis on presenting proposed resolution on strategic planning for Fire station and zone management that had been reworked based on a working paper presentation by YAS Director General, YAS Deputy Director General(Operations) and YAS Deputy Director General(Development). Proposed resolutions will be refined by the secretariat to be brought over to the highest management for implementation in all zones and fire stations across Malaysia. In addition, practical exposure in terms of operations in emergency management were also implemented through operation exercises that demanded every officer to apply every inch of their existing operational experience to be shared with the new officers in office.



2. Latihan Ex-Storm 5, 6 & 7

Latihan Ex-Storm merupakan latihanamal yang telah berjaya dilaksanakan di beberapa negeri bermula pada tahun 2010. Lanjutan itu, dalam tahun 2012, sebanyak 3 latihan Ex-Storm telah berjaya dianjurkan iaitu Ex-Storm 5 telah diadakan pada 20-21 April 2012 Di Paka, Terengganu, Ex-Storm 6 pada 14 Julai 2012 bertempat di Ayer Keroh, Melaka, dan Ex-Storm 7 telah diadakan bertempat di Kampar, Perak pada 23-24 November 2012. Latihanamal ini dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap operasi yang dijalankan memenuhi kehendak operasi dan memperbaiki pelaksanaan operasi.



2. Ex-Storm 5,6 & 7 Exercises

Ex-storm was a training exercise implemented in several states in the beginning of year 2010. Later, in 2012, three (3) Ex-storm exercises were organised, Ex-storm 5 was held from 20-21 April 2012 at Paka, Terengganu, Ex-storm 6 was held from 20-21 April 2012 at Ayer Keroh, Melaka and Ex-storm 7 was held from 23-24 November 2012 at Kampar, Perak. The training exercises were implemented in ensuring each operations met its objectives and to improve operations implementation.



Latihan ini dapat menguji tahap kecekapan sistem pengurusan operasi bencana dari segi pengurusan personal dan logistik jabatan dalam menangani setiap operasi yang berlaku di sesuatu negeri. Selain itu, latihan ini juga dapat menguji pengetahuan dan kemahiran anggota pada semua peringkat jawatan di dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri-Negeri serta mengeratkan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan yang lain antaranya ialah Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Hospital (KKM), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

This exercise tested the efficiency of disaster operational management in terms of personnel and logistics departments in dealing with each of the operations that occurs in a particular state. In addition, this exercise will be testing the knowledge and skills of personnel of all level in the states FRDM while strengthening cooperation with other government departments and agencies such as Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Hospital (KKM), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) and Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

3. Pelancaran Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Pada 19 Januari 2012 bersempena dengan Perhimpunan Tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertempat di Ibu Pejabat JBPM, YAS Ketua Pengarah telah melancarkan Manual Keselamatan dan Kesihatan JBPM. Pelancaran manual ini adalah bertepatan dengan era perubahan dan transformasi jabatan didalam memastikan setiap perkhidmatan kebombaanan yang diberikan kepada masyarakat dapat dilaksanakan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kesihatan kepada pegawai bertugas dan masyarakat sekeliling turut dititik beratkan.



Jabatan mengharapkan dengan adanya MKKP ini, setiap pegawai JBPM akan dapat mempraktikkan budaya kerja selamat ditempat kerja sama ada di Balai Bomba/ pejabat, ataupun di lokasi kecemasan yang dihadiri yang penuh dengan hazard yang boleh membawa kemerbahayaann kepada pegawai bomba bertugas.

3. Launching of the Occupational Health and Safety Manual

In 19 January 2012 in conjunction with the Annual Assembly of the Fire and Rescue Department of Malaysia (FRDM) at the headquarter of FRDM, YAS Director General has launched the Occupational Health and Safety Manual. The launched of the manual coincides with an era of change and transformation of the department in ensuring that any fire services rendered to the public were considering the safety and health of the attending officer and the surrounding community.




The department expects with the launched of the manual, each of FRDM personnel will be able to practice a safe work culture at the fire station/office or emergency location with hazards endangering their lives.

4. Pelancaran Manual Pengurusan Balai

Pada 8 November 2012 bertempat di Kampus Intan, Kota Kinabalu, Sabah, bersempena dengan Perasmian Lab Ketua-Ketua Zon dan Balai Siri 3/2012 telah diadakan pelancaran buku Manual Pengurusan Balai yang disempurnakan oleh YAS Ketua Pengarah. Manual ini dibangunkan adalah sebagai bahan rujukan dalam membantu Ketua-ketua Balai untuk mengurus dan mentadbir balai dengan lebih teratur, sempurna dan berkesan. Dengan adanya manual ini, diharapkan dapat dimanfaatkan dengan optimum oleh Ketua-ketua Balai dalam melaksanakan tanggungjawab harian.

4. Launching of the Fire Station Management Manual

On 8 November 2012 at INTAN campus, Kota Kinabalu, Sabah, in conjunction with the launching Zone Leaders and Fire Station Chiefs Lab series 3/2012 launched by YAS Director General. The Manual was developed as reference material in assisting Fire station chiefs to manage and administer their station in a more orderly, flawlessly and effective manner. It was hoped that the manual will be optimally utilized by the chiefs in executing their daily routine.



5. Pelancaran Manual Pelan Tindakan Kecemasan Keretapi

Pada 10 Oktober 2012 bertempat di Stesen Komuter Taman Wahyu, Kepong, Kuala Lumpur telah diadakan Majlis Pelancaran dan Penyerahan Manual Pelan Tindakan Kecemasan Keretapi yang telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Di dalam majlis ini, penyerahan manual ini telah diserahkan secara simboliknya oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim kepada Lt. Kol. Hj. Sarbini Bin Tijan, Naib Presiden Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Jabatan telah membangunkan manual ini bersama dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai KTMB bagi memastikan manual pelan ini menepati Prosedur Operasi Seragam JBPM dan KTMB.



5. Launching of the Train Emergency Action Plan Manual

On 10 October 2012 at Taman Wahyu commuter station, Kepong, Kuala Lumpur were held the launching and handing over ceremony of the train emergency action plan manual by YAS Director General. In the event, the manual was symbolically handed over to Lt. Kol. Hj. Sarbini Bin Tijan, Vice President of Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). The department jointly developed the manual with the KTMB personnel in order to ensure that the plan complies with the Standard Operating Procedure (SOP) of FRDM and KTMB.



Manual ini dibangunkan adalah sebagai panduan persediaan menghadapi sebarang insiden secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas bagi bencana yang melibatkan pelanggaran atau kegelinciran keretapi dan lain-lain system pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa dan kemusnahan harta benda yang besar. Di dalam manual ini, penyelarasan tindakan dapat dilaksanakan secara seragam, terancang dan memenuhi segala prosedur keselamatan secara sistematik bagi meminimumkan kemudaratan ke atas manusia, kemusnahan alam sekitar dan kerugian harta benda.

The manual was developed as the preparation guideline for the incidents that cover all aspects either prior, during or post event of incidents with regard to skidded or accidents involving trains and other rail system. With the manual, action coordination can be carried more organized, uniformed and cover all aspects of safety procedures systematically in order to minimize consequences on property, environment and human.

ANALISA KEBAKARAN, MENYELAMAT, KHIDMAT KEMANUSIAAN DAN TUGAS-TUGAS KHAS BAGI TAHUN 2012 DAN PERBANDINGAN TAHUNAN

Analysis of Fire, Rescue, Humanitarian Aid and Special Services for Year 2012 and Previous Year Comparisons

BAHAGIAN A

1. Tugas-Tugas Kebombaan

Analisa perangkaan ini dibuat bagi tujuan melihat sejauh manakah berlaku kenaikan ataupun penurunan pola panggilan kes didalam setiap kategori yang dinilai. Namun demikian kita perlulah memahami dengan jelas peranan dan tugas hakiki yang sebenar perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen oleh anggota dan pegawai Bomba. Antara tugas dan peranan yang perlu dipatuhi dan dipenuhi untuk masyarakat bagi setiap individu yang bergelar Bomba adalah:

1.1 Melawan Kebakaran

Tugas hakiki ini sememangnya merupakan teras utama pengujudan pasukan Bomba pada suatu ketika dahulu. Walaupun sebelum wujudnya Akta Perkhidmatan Bomba 1988 teras ini menjadi pegangan utama pasukan pemadaman pada sebelum penyatuan Bomba 1976. Malah Akta Kerajaan Tempatan Akta 171 Bahagian X juga menjelaskan peranan dan fungsi utama pasukan Bomba pada waktu itu.

Setelah wujud Akta 341 Akta Perkhidmatan Bomba yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1989 maka beberapa panduan penting telah digariskan, antaranya:

- a. Mencegah, melawan dan memadam kebakaran,
- b. Mencegah kehilangan nyawa dan harta benda apabila berlaku kebakaran,
- c. Mengawal dengan mengurung/ membendung suatu kebakaran ditempat ia bermula dan memadamkannya, dan;
- d. Sekaligus menekankan aspek pencegahan/menentang dan melawan kebakaran dengan pemasangan kebakaran yang sepatutnya.

PART A

1. Fire and Rescue Duties

Statistical analysis was done to view how far could the pole of emergency call will fluctuate in each assessed categories. However we must understand clearly the actual roles and duties to be carried out with full commitment by the FRDM personnel. Some of the roles and duties to the public for each individual calling themselves as firefighters are:

1.1 Fire Fighting

Is the official duty for the existence of the fire fighting team awhile ago. Even before the existence of Fire Services Act 1988 this core has been the main believe of fire fighting team before the unification in 1976. Even the local government act [act 171] Section X explained clearly the main part and functions of the fire fighting team at that time.

With the existence of the Fire Services Act [Act 341] enforced on 1 January 1989, several important guidelines were outlined:

- a. *Prevention, control and extinguishing of fire.*
- b. *Prevention the loss of life and properties during fire.*
- c. *Control and contain a fire in its place of origin and extinguishing it.*
- d. *Emphasising the aspects of fire prevention and fighting utilizing the appropriate fire installation.*

1.2 Menangani Kes Menyelamat

Panggilan Menyelamat merupakan khidmat yang diperlukan oleh masyarakat untuk mengelakkan sesuatu perkara itu dari terus menjadi teruk dan binasa, maka pihak Bomba telah menggariskan setiap inci kes-kes yang melibatkan gerakerja menyelamat di Malaysia. Antara panggilan menyelamat ini, termasuklah:

- a. Menyelamatkan mangsa dari kes kemalangan jalanraya,
- b. Menangani kes berkaitan dengan tumpahan dan kebocoran bahan merbahaya,
- c. Menghadiri panggilan kecemasan bangunan struktur,
- d. Menyelesaikan masalah kes-kes mencari & menyelamat,
- e. Menyelamatkan masyarakat dari bencana alam, dan;
- f. Menghadiri kes-kes kecemasan yang lain.

1.3 Menghadiri Panggilan Khidmat Kemanusiaan

Khidmat Kemanusiaan yang diberikan oleh pihak Bomba merupakan salah satu tugas hakiki kepada masyarakat disekelilingnya. Lanya termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

- a. Memberi bantuan menangkap ular dan binatang
- b. Memusnahkan serangga berbisa
- c. Membantu pihak polis dalam kes-kes kecemasan atau ancaman keganasan, dan;
- d. Lain-lain kecemasan yang diperlukan.

1.4 Menjalankan Tugas-Tugas Khas

Tugas-tugas khas juga merupakan satu cabang kerja yang hakiki bagi pasukan Bomba untuk masyarakat jika diperlukan. Perlaksanaan tugas ini sememangnya sentiasa dititikberatkan oleh pasukan Bomba kerana kepentingan dan keperluan masyarakat adalah menjadi keutamaan. Antara tugas-tugas yang dilaksanakan adalah ;

- a. Mengawal Pembakaran Kertas Sembahyang/Cina,
- b. Mengawal Pembakaran Jerami,
- c. Memberi bantuan kepada agensi kerajaan,
- d. Memberi bantuan kepada agensi bukan kerajaan (swasta),
- e. Memberi khidmat gotong-royong,
- f. Memberi bantuan keselamatan semasa perayaan atau majlis, dan;
- g. Memberi lain-lain tugas khas yang diperlukan oleh masyarakat

1.2 Handling of Rescue Cases

Call to rescue is one of the services needed by the community in preventing escalation of an event to from bad to worse, then FRDM had outlined in detail of each cases of rescue in Malaysia.

Some of the rescue missions were:

- a. *Rescuing victims of road and traffic accidents.*
- b. *Handling of cases related to spillage and leakages of hazardous materials.*
- c. *Attending calls for building emergencies.*
- d. *Accomplishing tasks of Search and rescue cases.*
- e. *Natural disaster rescue.*
- f. *Attending to other emergencies.*

1.3 Attending Calls for Humanitarian Services

Humanitarian service is one of main duties of fire and rescue department for the community when needed. These are among the rescue missions:

- a. *Capturing snakes and other danger animals*
- b. *Elimination of danger insects*
- c. *Assistance to police department in emergency cases or terrorist thread, and;*
- d. *other emergency cases*

1.4 Attending Calls for Humanitarian Services

Special service is one of main duties of fire and rescue department for the community when needed. Implementation of the duty is always emphasis by the fire and rescue department due to its importance and necessity to the community. Some of the rescue missions were:

- a. *Controlling burning of Chinese prayer paper.*
- b. *Controlling of straw burning*
- c. *Assistance to government agencies*
- d. *Assistance to private agencies*
- e. *Gotong-royong*
- f. *Provide security services during ceremony or festival.*
- g. *Any other special services for the community.*

Kesemua tugas-tugas kebombaannya ini direkod dan dicatat setiap tahun bagi memperbaiki dan meningkatkan taraf dan khidmat kebombaannya apabila analisa diperolehi dari data perangkaan ini.

Bagi tahun 2011 pula, analisa yang dijelaskan dibawah ini termasuk perbandingan lima (5) tahun sebelum tahun 2011, ia merupakan titik tolak perubahan dan peningkatan bagi setiap bermulanya tahun baru iaitu perjuangan melaksanakan tugas dan peranan pasukan Bomba di Malaysia.

All of the services were recorded and noted yearly to further improve the level of fire and rescue services when the analysis were obtained from the statistics.

In 2011, analysis done was to include comparison of the previous 5 years before 2011, which was the turning point for changes and improvement for each new years, which was the struggle to do the duties of the fire and rescue department.

BAHAGIAN B

PART B


2. Perangkaan Kes Panggilan Kecemasan Kebakaran Bagi Tahun 2012

2. Statistics of Fire Emergency Calls for The Year 2012

2.1 Perangkaan Kes Mengikut Bulan

2.1 Case Statistics According to Months

Carta 1 : Kebakaran Mengikut Bulan Tahun 2012
 Chart 1 : Fire According to Months for Year 2012



Jika dilihat pada Carta 1 diatas, jelas menerangkan maksud berkaitan dengan perangkaan kes panggilan kebakaran bagi tahun 2012 mengikut kategori bulan. Pada bulan Jun, Julai dan Ogos jumlah kebakaran telah menunjukkan satu peningkatan yang berbeza dengan bulan-bulan yang lain. Pada bulan Jun dan Ogos, jumlah panggilan kebakaran menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dan hampir sama jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Ini adalah kerana mengikut sumber Jabatan Meteorologi pada bulan-bulan ini telah berlaku perubahan cuaca global dunia yang dipanggil ekuinoq iaitu satu musim panas yang boleh membawa kepada keadaan kemarau (satu tempoh cuaca kering yang berpanjangan dengan terdapat sedikit hujan atau tiada hujan langsung. Ia boleh memberi kesan besar terhadap ekosistem dan pertanian kawasan yang terbabit sekaligus memberi impak kepada aktiviti pembakaran).

As presented in Chart 1 above, clearly explained the fire call statistics for 2012 according to months. In June, July and August total number of fire showed a significant increase compared to other months. In June and August, the increment of fire calls were almost equal as compared to other months. According to Meteorological Department during these months, the world experienced a global climate change called equinox which is a long dry season escalating to drought (a period of long dry weather with little or no rain at all. It gave a significant impact to the ecosystem and agriculture, thus giving impact to the burning activities).


Jika dilihat secara keseluruhan data kebakaran yang diperolehi dalam tahun 2012 (29,847 kes) telah menunjukkan peningkatan panggilan yang agak tinggi jika dibandingkan dengan kes panggilan untuk tempoh 5 tahun kebelakang (2008 hingga 2011). Peningkatan panggilan sebanyak 3.94% dalam tahun 2012 (29,874 kes) telah dicatatkan dibandingkan dengan tahun 2011 (28,741 kes) dan peningkatan sebanyak 1.82% dibandingkan dengan panggilan kes bagi tahun 2010 (29,341 kes).

As a whole, the fire data for 2012 (29,847 cases) showed a steep increase in calls compared to the previous 5 years (2008 to 2011). The increase of 3.94% in 2012 (29,847 cases) compared to 2011 (28,741 cases) and increase of 1.82% compared to 2010 (29,341 cases).

Berikut adalah graf yang dapat menjelaskan penerangan yang diberikan ini:

Below are the graph to explained the above statements:

Carta 2 : Kebakaran Mengikut Tahun
 Chart 2 : Fire According to Years




2.2 Data Mengikut Negeri

2.2 Data According to State

Carta 3 : Kebakaran Mengikut Negeri Bagi Tahun 2012

Chart 3 : Fire According to States for Year 2012



Carta 3 diatas menjelaskan data yang diperolehi dari tahun 2012 mengikut negeri dimana secara keseluruhannya sebanyak 29,874 kes telah direkodkan. Dari jumlah ini negeri Selangor mencatat jumlah yang tertinggi dengan kes sebanyak 8,003 kes kebakaran iaitu 26.79% dari keseluruhan negeri di Malaysia. Data ini terjadi kerana negeri Selangor adalah sebuah negeri perindustrian dan penempatan yang tinggi dimana jika dilihat dalam carta mengikut jenis kebakakaran jelas menunjukkan bahawa negeri ini juga mencatat jumlah yang tertinggi sekali iaitu kebakaran bangunan struktur sebanyak 1,093 kes, kebakaran belukar lalang juga antara yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 2,076 kes kebakaran, kebakaran hutan tertinggi (563 kes), kebakaran kenderaan tertinggi (725 kes) dan faktor-faktor inilah yang menyebabkan negeri Selangor mencatat jumlah kebakaran tertinggi di Malaysia

The Chart 3 above explained the data for year 2012 according to states whereby a total of 29,874 cases were recorded. State of Selangor recorded the highest number with 8,003 cases of fire which is 26.79% of all the states combined. This was due to Selangor as being both an industrialized and also highly populated state, and this is clearly shown by the types of fire, which were building fire with 1,093 cases, bush fire with 2,076 cases, one of the highest in the country, highest recorded forest fire with 563 cases, highest recorded vehicles fire with 725 cases and these were the factors that has resulted Selangor as being the highest amount of fire recorded.

2.3 Data Mengikut Jenis Kebakaran / Data According To Type of Fire

Jadual 1 : Jumlah Kebakaran Mengikut Jenis Kebakaran Bagi Tahun 2012
Table 1 : Total Number of Fire According to Types for the Year 2012


BIL No	JENIS KEBAKARAN / NEGERI Type of Fire / State	PLS	KED	PP	PRK	SEL	KL	NS	MEL	JOH	PHG	TRG	KEL	SBH	SWK	LAB	PUT	JUMLAH Total
1	BANGUNAN DAN ISINYA Building and its Contents	34	397	358	264	1093	625	267	233	523	218	184	184	471	399	25	3	5,278
2	KENDERAAN / Vehicle	13	172	238	311	725	277	185	133	442	198	71	91	90	135	5	12	3,098
3	MESIN / Machinery	1	16	42	16	50	7	14	18	27	5	2	4	28	7	1	3	241
4	ALAT PERKAKAS / Tools	12	48	92	164	183	11	36	30	246	59	54	38	12	61	4	14	1,064
5	PETROL / Petrol	0	0	0	0	1	0	0	0	2	2	1	0	4	4	0	0	14
6	BAHAN KIMIA / Chemicals	0	1	1	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4
7	GAS / Gas	14	47	88	64	111	10	27	21	134	38	25	30	30	39	0	9	687
8	KAPAL TERBANG Aeroplane	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	2
9	KAPAL LAUT / Ship	3	1	1	2	3	0	0	0	3	3	1	1	3	3	2	0	26
10	KEBUN / Orchard	2	15	11	47	308	6	17	23	94	12	6	6	18	55	0	0	620
11	HUTAN / Jungle	16	67	33	99	563	5	95	12	47	68	23	37	129	104	1	4	1,303
12	BELUKAR / LALANG Bushes	35	459	288	1252	2076	154	320	434	1196	364	359	53	563	728	117	14	8,412
13	GERAI / Stalls	5	12	9	9	44	23	5	7	14	6	4	0	9	5	1	0	153
14	LAIN-LAIN / Others	94	653	596	1216	2844	631	416	311	871	299	241	261	159	313	23	22	8,950
	JUMLAH / Total	228	1,889	1,780	3,444	8,003	1,749	1,382	1,222	3,600	1,272	971	705	1,516	1,853	179	81	29,874

Jadual 1 dan Carta 4, menunjukkan jumlah panggilan kebakaran mengikut jenis kebakaran. Dari huraian pada para jumlah kebakaran mengikut negeri diatas tadi, jelas menunjukkan bahawa negeri Selangor mencatat kebakaran tertinggi dalam banyak kategori antaranya Bangunan dan isinya (1,093 kes), kenderaan (725 kes), mesin (50 kes), gas (111 kes), kebun (308 kes), hutan (563 kes), belukar dan lalang (2,076 kes) dan lain-lain kes (2,844 kes).

Table 1 and chart 4, indicated the total number of fire calls according to types of fire. According to the detailed descriptions above, clearly showed that Selangor recorded the highest cases, especially in the building fire category (1,093 cases), vehicle (725 cases), machine (50 cases), gas (111 cases), Orchard (308 cases), jungle (563 cases), Bushes (2,076 cases) and other cases (2,844 cases).

Carta 4 : Jenis Kebakaran di Malaysia Bagi Tahun 2012

Chart 4 : Types of Fire in Malaysia for Year 2012



Jadual dan Carta 5 menjelaskan kebakaran mengikut jenis kebakaran di seluruh negara dengan jumlah sebanyak 29,874 kes yang dicatat. Bagi kategori Bangunan dan Isinya jumlah panggilan kebakaran adalah sebanyak 5,278 kes (17.67%) manakala panggilan keseluruhan bagi kebakaran selain bangunan adalah sebanyak 24,574 kes panggilan kebakaran.

Table and graph 5 explained types of building that were involved in fire nationwide which were in total of 29,874 cases. Building and content category recorded 5,278 cases (17.67%), while the whole building fire category recorded 24,574 cases.

Seterusnya kita akan lihat jumlah pecahan kepada kategori Bangunan dan Isinya iaitu sebanyak 5,278 kes tahun 2012.


Subsequently, there were 5,278 cases in year 2012 for the category of building and its content.

Berikut adalah jadual yang dinyatakan bagi pecahan-pecahan Bangunan dan Isinya :
The following table explains the breakdown of building and its content:

Jadual 2 : Jumlah Kebakaran Mengikut Jenis Bangunan Di Malaysia Tahun 2012
Table 2 : Total Number of Fire According to Types of Building in 2012

BIL No	JENIS BANGUNAN / NEGERI Type of Building / State	PLS	KED	PP	PRK	SEL	KL	NS	MEL	JOH	PHG	TRG	KEL	SBH	SWK	LAB	PUT	JUMLAH Total
1	KEDAI / Shop	6	53	43	20	144	89	35	24	59	26	17	18	42	42	2	0	620
2	KILANG / Factory	0	19	30	6	95	8	11	24	48	2	2	7	19	17	0	0	288
3	SETOR / Store	0	12	13	25	34	15	8	6	22	13	5	10	13	23	1	0	200
4	WOKSYOP / Workshop	2	6	9	1	21	9	4	2	6	5	1	3	5	5	0	0	79
5	HOTEL / Hotel	0	3	1	0	4	13	4	4	1	1	0	1	0	2	0	0	34
6	PUSAT B/BELAH Shopping Centre	1	4	0	1	4	9	1	2	1	1	0	1	1	5	1	0	32
7	PEJABAT / Office	0	9	5	5	29	27	9	2	4	3	2	6	10	12	3	0	126
8	TEMPAT HIBURAN Entertainment Centre	0	2	3	3	6	2	1	4	5	1	2	0	4	3	2	0	38
9	RESTORAN / Restaurant	0	9	4	1	10	19	1	3	6	14	2	1	11	2	1	0	84
10	RUMAH KEDIAMAN Residence	15	222	158	155	505	389	131	114	264	116	99	118	284	222	12	2	2,806
11	SETINGGAN / Squatters	0	3	6	7	12	16	3	3	5	1	0	1	14	6	2	0	79
12	BILIK DAPUR / Kitchen	4	17	36	10	63	5	16	6	16	10	6	4	5	18	0	0	216
13	MAKMAL / Laboratory	0	1	2	0	8	0	0	5	3	0	1	1	0	0	0	0	21
14	SEKOLAH / School	1	5	5	2	23	7	5	6	14	5	2	4	6	4	0	0	89
15	ASRAMA / Hostel	0	3	4	2	7	1	4	5	4	3	2	2	5	11	0	0	53
16	HOSPITAL/KLINIK Hospital/Clinic	0	4	1	0	1	5	0	1	0	0	0	2	2	0	0	0	16
17	GUDANG / Warehouse	0	3	6	0	4	0	0	3	1	0	0	0	2	1	0	0	20
18	LAIN-LAIN / Others	5	22	32	26	123	11	34	19	64	17	43	5	48	26	1	1	477
	JUMLAH / Total	34	397	358	264	1,693	625	267	233	523	218	184	184	471	399	25	3	5,278

Carta 5 : Kebakaran Mengikut Jenis Bangunan
 Chart 5 : Fire According to Type of Building



Berdasarkan Jadual, sebanyak 5,278 kes kebakaran berlaku dibangunan seluruh negara tahun 2012. Dari jumlah ini, kategori rumah kediaman menjadi penyumbang terbesar bagi jumlah keseluruhan kebakaran bangunan di Malaysia, dimana sebanyak 2,806 kes kebakaran rumah telah dicatat dan dihadiri oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Negeri Selangor mencatat kes tertinggi untuk kebakaran rumah ini iaitu sebanyak 505 kes (18%) kebakaran diikuti negeri Kuala Lumpur sebanyak 389 kes (13.86%) dan Sabah sebanyak 284 kes (10.12%) kebakaran dicatat.

Based on the above table, there were 5,278 fire cases of building occurred nationwide in 2012. From this amount, Residential category was the biggest contributor with 2,806 cases was recorded and was attended by Fire and Rescue Department of Malaysia. Selangor contributed the most cases with 505 cases [18%], followed by Kuala Lumpur with 389 cases [13.86%] and Sabah 284 cases [10.12%].

Kes kebakaran kedua tertinggi adalah dari kategori kebakaran kedai iaitu sebanyak 620 kes telah dicatat iaitu 11.52% dari jumlah kebakaran keseluruhan jenis bangunan struktur di Malaysia. Dari jumlah ini negeri Selangor mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 144 kes (23.23%), Kuala Lumpur mencatat sebanyak 89 kes (14.35%), Johor 59 kes, Kedah 53 kes dan Pulau Pinang 43 kes kebakaran kedai direkodkan.

The second highest cases were from the shop category with 620 cases which was 11.52% of the total of structure fire in Malaysia. Selangor recorded the highest number of cases with 144[23.23%], Kuala Lumpur with 89 cases [14.35%] Johor 59 cases, Kedah 53 cases and Pulau Pinang with 43 cases.

Kebakaran struktur ketiga tertinggi adalah bangunan kilang dimana sebanyak 288 kes (5.35%) telah dicatat oleh Jabatan dan negeri Selangor antara negeri tertinggi mencatat kebakaran kilang di seluruh negara iaitu sebanyak 95 buah kilang yang terbakar manakala negeri-negeri lain dibawah 50 kes kebakaran kilang berlaku.

The third highest structure fire recorded was for factory with 288 cases (5.35%). Selangor recorded highest number among the states with 95 cases, while other states recorded with below 50 cases.

Kebakaran keempat tertinggi adalah kebakaran bilik dapur iaitu tempat untuk memasak, kategori ini mencatat sebanyak 216 kes iaitu 4.01% dari kebakaran struktur keseluruhannya. Negeri Selangor mencatat jumlah tertinggi (63 kes) dan diikuti negeri Pulau Pinang (36 kes).


The fourth place goes to kitchen fire with 216 cases which was 4.01% of the total building fire cases. Again Selangor recorded the highest number with 63 cases followed by Pulau Pinang with 36 cases.

2.4 Data Punca Kebakaran/Sources of Fire Data

Jadual 3 : Jumlah Punca Kebakaran Bagi Tahun 2012
Table 3 : Total Sources of Fire for The Year 2012

BIL No	PUNCA KEBAKARAN / NEGERI Source of Fire / State	PLS	KED	PP	PRK	SEL	KL	NS	MEL	JOH	PHG	TRG	KEL	SBH	SWK	LAB	PUT	JUMLAH Total
1	ELEKTRIK / Electricity	78	353	302	522	1529	416	163	268	605	231	215	246	259	167	13	15	5,382
2	PUNTUNG ROKOK Cigarettes	0	59	126	120	153	25	10	6	243	22	20	30	24	54	0	0	892
3	PERCIKAN API / Spark	3	43	23	39	98	65	20	16	95	17	25	30	26	18	4	0	522
4	MERCUN/ BUNGA API Firecrackers	0	8	2	9	11	9	0	5	10	0	0	7	3	4	0	0	68
5	UBAT NYAMUK/LILIN/ COLOK / Mosquito Coil	1	18	13	16	43	11	5	4	32	13	8	12	20	15	0	0	211
6	DAPUR GAS/MINYAK Gas Stove	19	82	113	84	323	139	41	46	216	60	62	51	94	71	3	6	1,410
7	REAKSI SPONTAN Spontaneous Reaction	1	6	34	61	213	16	28	12	62	8	12	6	20	11	0	3	493
8	SENGAJA DIBAKAR Purposely Torch																	
	NIAT BAIK/ Good Intention	78	489	230	1126	1801	175	424	358	888	131	391	76	204	281	6	0	6,658
	NIAT JAHAT / Arson	1	34	74	141	480	178	19	11	428	65	8	23	81	72	40	3	1,658
9	TIDAK DIKETAHUI Unknown	7	175	476	637	1154	54	355	140	409	369	46	39	627	460	93	4	5,045
10	TINDAK BALAS KIMIA Chemical Reaction	0	2	2	0	6	5	0	1	3	1	1	0	0	2	8	0	31
11	MANCIS API / Matches	0	4	8	7	24	6	4	14	14	4	7	16	10	15	1	1	135
12	LAIN-LAIN PUNCA Other Sources	40	616	377	682	2168	634	313	341	595	351	191	141	148	683	11	49	7,340
	JUMLAH / Total	228	1,889	1,780	3,444	8,003	1,749	1,382	1,222	3,600	1,272	971	705	1,516	1,853	179	81	29,874

Carta 6 : Punca Kebakaran Bagi Tahun 2012
Chart 6 : Sources of Fire for The Year 2012



Jadual dan Carta 6 diatas, menunjukkan bahawa punca yang dicatat diseluruh negara bagi tahun 2012 adalah sebanyak 29,874 punca kebakaran. Dari jumlah ini sebanyak 6,658 kes adalah berpunca dari kategori Niat baik, sebanyak 5,382 kes adalah dari kategori elektrik dan 7,340 kes adalah dari lain-lain punca seperti yang tiada disenarai.

Table and chart 6 above, showed that in 2012, 29,874 cases of fire were reported. Out of this 6,658 cases were caused by good intentioned torching, 5,382 cases from the electric category and 7,340 cases of other unlisted sources.


2.5 Taksiran Harta Benda Kerugian dan Diselamatkan

2.5 Assessments of Rescued and Losses of Properties

Jadual 4 : Jumlah Taksiran Harta Diselamatkan dan Taksiran Kerugian Tahun 2012
Table 4 : Total Assessment of Rescued and Losses of Properties for 2012

BIL No	NEGERI State	TAKSIRAN KERUGIAN (RM) Losses Assessment (RM)	TAKSIRAN DISELAMATKAN (RM) Rescued Assessment (RM)
1	PERLIS	3,171,430.00	23,085,210.00
2	KEDAH	280,454,871.13	1,049,695,726.39
3	PULAU PINANG	36,116,484.00	1,836,337,875.58
4	PERAK	50,331,162.60	396,115,557.00
5	SELANGOR	119,592,867.77	940,867,626.13
6	W.P.KUALA LUMPUR	88,464,879.15	8,169,088,805.71
7	NEGERI SEMBILAN	23,533,480.00	208,487,684.00
8	MELAKA	79,184,163.92	853,562,053.35
9	JOHOR	200,739,918.50	1,411,443,151.64
10	PAHANG	26,500,524.00	1,702,759,011.80
11	TERENGGANU	32,128,778.39	914,682,026.00
12	KELANTAN	22,351,975.00	1,075,863,106.53
13	SABAH	89,687,674.76	547,226,105.24
14	SARAWAK	60,634,359.06	1,023,114,717.84
15	W.P.LABUAN	2,224,650.00	463,516,816.00
16	W.P.PUTRAJAYA	1,028,780.00	28,831,270.00
JUMLAH / Total		1,116,145,998.28	20,644,676,743.21

Carta 7 : Taksiran Kerugian Akibat Kebakaran
 Chart 7 : Assessment of Losses Due to Fire



Dari Jadual dan Carta 7 diatas, sebanyak RM 116,145,998.28 adalah harta benda yang musnah didalam kes kebakaran. Berikut adalah lima (5) turutan tertinggi nilai kerugian negeri akibat kebakaran bagi tahun 2012 :

- 1.Kedah - RM 280,454,871.13
- 2.Johor - RM 200,739,918.50
- 3.Selangor - RM 119,592,867.77
- 4.Sabah - RM 89,687,674.76
- 5.Kuala Lumpur - RM 88,464,879.15

Table and chart 7 showed RM 116,145,998.28 worth of properties destroyed in fire cases. Below are the five highest assessment of losses due to fire by states in 2012:

- 1.Kedah - RM 280,454,871.13
- 2.Johor - RM 200,739,918.50
- 3.Selangor - RM 119,592,867.77
- 4.Sabah - RM 89,687,674.76
- 5.Kuala Lumpur - RM 88,464,879.15

2.6 Taksiran Harta Yang Diselamatkan

Dari Jadual 7, jumlah harta benda yang diselamatkan pula bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM 20,644,676,743.21. Berikut adalah lima (5) turutan tertinggi nilai yang diselamatkan akibat kebakaran bagi setiap negeri untuk tahun 2012:

- | | |
|--------------|-----------------------|
| Kuala Lumpur | - RM 8,169,088,805.71 |
| Pulau Pinang | - RM 1,836,337,875.58 |
| Pahang | - RM 1,702,759,011.80 |
| Johor | - RM 1,411,443,151.64 |
| Kelantan | - RM 1,075,863,106.53 |


2.6 Assessment of Recued Properties

In table 7 , total properties rescued for 2012 amounted to RM 20,644,676,743.21. Below are the five highest assessment of rescued properties by states in 2012:

- | | |
|--------------|-----------------------|
| Kuala Lumpur | - RM 8,169,088,805.71 |
| Pulau Pinang | - RM 1,836,337,875.58 |
| Pahang | - RM 1,702,759,011.80 |
| Johor | - RM 1,411,443,151.64 |
| Kelantan | - RM 1,075,863,106.53 |

Berikut adalah carta yang menjelaskan maksud berkaitan *Below is the chart explains further on the previous* perkara disebelah: *matter:*

Carta 8 : Taksiran Harta Diselamatkan Akibat Kebakaran
Chart 8 : Assessment of Rescued Properties Due to Fire



2.7 Perangkaan Kematian dan Kecederaan Akibat Kebakaran

2.7 Statistics of Death and Injury Due to Fire Incidents


Jadual 8 : Jumlah Kematian & Kecederaan Akibat Kebakaran
Table 5 : Total Death & Injury Due to Fire

BIL No	BULAN / Month	KEBAKARAN / Fire	
		MATI / Death	CEDERA / Injury
1	JANUARI / January	12	11
2	FEBRUARI / February	3	5
3	MAR / March	11	8
4	APRIL / April	10	9
5	MEI / May	8	18
6	JUN / June	5	18
7	JULAI / July	17	8
8	OGOS / August	4	9
9	SEPTEMBER / September	5	10
10	OKTOBER / October	4	12
11	NOVEMBER / November	19	34
12	DISEMBER / December	0	10
JUMLAH / Total		98	152

Jadual 6 : Jumlah Kematian & Kecederaan Akibat Kebakaran
 Table 6 : Total Death & Injury Due to Fire

BIL No	NEGERI / State	KEBAKARAN / Fire	
		MATI / Death	CEDERA / Injury
1	PERLIS	0	2
2	KEDAH	5	12
3	PULAU PINANG	0	16
4	PERAK	11	29
5	SELANGOR	17	2
6	W.P.KUALA LUMPUR	4	15
7	NEGERI SEMBILAN	5	1
8	MELAKA	1	2
9	JOHOR	8	10
10	PAHANG	8	14
11	TERENGGANU	1	9
12	KELANTAN	0	16
13	SABAH	20	8
14	SARAWAK	13	14
15	W.P.LABUAN	5	2
16	W.P.PUTRAJAYA	0	0
JUMLAH / Total		98	152

Carta 9 : Kematian dan Kecederaan Akibat Kebakaran
 Chart 6 : Death and Injury Due to Fire



Secara keseluruhan dari Jadual 8 dan 9 diatas, didapati bahawa sebanyak 98 nyawa telah terkorban didalam nahas kebakaran manakala 152 nyawa pula tercedera dalam kategori ini. Dari jumlah yang disebut ini bagi skop kategori, negeri Sabah mencatat kematian tertinggi iaitu seramai 20 orang, kematian kedua tertinggi yang dicatat adalah seramai 17 individu iaitu di negeri Selangor dan diikuti negeri Perak (11 orang), Sarawak (13 orang), Pahang dan Johor (8 orang).

Based on table 8 and graph 9 above, 98 lives were lost in fire incident, while 152 were injured in this category. Under the state category, Sabah, recorded the highest death rate at 20 death, with Selangor in 2nd place with 17 death, followed by Perak (11 death), Sarawak (13 death), Pahang and Johor(8 death).

Bagi kecederaan akibat kebakaran pula negeri Perak mencatat jumlah bilangan mangsa tertinggi iaitu 29 orang diikuti Kelantan dan Pulau Pinang mencatatkan jumlah yang sama iaitu 16 orang dan Kuala Lumpur mencatatkan 15 orang.

For injuries due to Fire, Perak recorded the highest victims with 29 injured, followed by Kelantan and Pulau Pinang with 16 victims for both states, and Kuala Lumpur with 15 victims.

2.8 Perbandingan Bilangan Kebakaran Tahun 2008 sehingga 2012

2.8 Comparison of Number of Fire from Year 2008 to 2012

Perbandingan bilangan panggilan kebakaran bagi lima (5) tahun sebelum menampakkan kenaikan dari tahun 2008 ke 2009 sebanyak 36.59% iaitu peningkatan panggilan sebanyak 7,880 panggilan kes kebakaran telah dihadiri oleh Jabatan. Bagi tahun 2009 ke tahun 2012 ini didapati jumlah kebakaran telah meningkat sebanyak 457 kes (1.55%) dan peningkatan kes sebanyak 533 kes iaitu 1.82% dari tahun 2010 ke tahun 2012. Manakala untuk tahun 2011 ke 2012, peningkatan kes kebakaran yang agak besar telah dicatatkan iaitu peningkatan kepada 1,133 kes (3.94%). Carta 10 yang dijelaskan dibawah menunjukkan keadaan pola peningkatan dan penurunan ini dalam tempoh lima (5) tahun sebelum.

Comparison of number of fire calls for the last 5 years before showing an increase from 2008 to 2009 of 36.59%, which was an increase of 7,880 calls attended by the FRDM. Between 2009 and 2012 the increase was at 457 cases (1.55%). Between 2010 and 2012 the increase was at 533 cases (1.82%). Between 2011 and 2012 the increase was quite steep which was 1,133 cases (3.94%). The chart 10 as per below showed a pole of fluctuation in the last 5 years.


Carta 10 : Panggilan Kebakaran Tahun 2008 - 2012
 Chart 10 : Fire Calls Between Year 2008 - 2012



2.9 Perbandingan Taksiran Harta Kerugian Tahun 2008 sehingga 2012

2.9 Comparison of Property Losses Assessment from 2008 to 2012

Carta 11 : Taksiran Kerugian Kebakaran Tahun 2008 - 2012
Chart 11 : Assessment Losses of Fire for Year 2008 - 2012



Carta 11 diatas, menunjukkan bahawa berlaku pola kenaikan dan penurunan jumlah harta kerugian akibat dari kebakaran. Jumlah pada tahun 2008 telah meningkat kepada RM 1,056,042,771.00 pada tahun 2009. Namun demikian jumlah ini menurun pada tahun 2010 iaitu sebanyak RM 299,352,593.05 kepada RM 756,690,177.95 dan meningkat semula sebanyak RM 927,505,020.47 pada tahun 2011. Manakala bagi tahun 2012, perbandingan dengan tahun 2011, jumlah kerugian akibat kebakaran terus mencatatkan peningkatan kepada RM 1,116,145,998.28 iaitu peningkatan sebanyak RM 188,640,977.81 (20.34%). Ini jelas menunjukkan signifikan kepada jumlah dan bilangan panggilan kebakaran yang dianalisa bagi para 2.8 diatas.

Untuk penjelasan yang lebih jelas lagi, kita lihat pula kerugian yang dialami oleh pihak negeri dalam tempoh masa lima (5) tahun yang diperbandingkan ini.

Graph 11 as per above, indicated a fluctuation trend on the total lost of properties due to fire. The total in 2008 has increased to RM 1,056,042,771.00 in 2009. However there was a decreased of RM 299,352,593.05 in 2010 to RM 756,690,177.95. The total losses raised again to RM 927,505,020.47 in 2011. The rise continued to 2012 with RM 1,116,145,998.28 and increase of RM 188,640,977.81 (20.34%). This showed the significant with the number of fire calls as per above analysis.

For Further clarification, we will analyse on losses in each state for the last 5 years as per next comparison.

Jadual 7 : Taksiran Kerugian Mengikut Negeri Dari Tahun 2008 sehingga 2012

Table 7 : Assessment of Losses According to State from 2008 to 2012

NEGERI State	TAKSIRAN HARTA KERUGIAN AKIBAT KEBAKARAN / Assessment of Property Losses Due to Fire				
	2008	2009	2010	2011	2012
PERLIS	2,194,395.00	1,092,845.00	9,915,955.00	5,740,949.00	3,171,430.00
KEDAH	81,682,906.52	37,696,940.00	44,938,515.99	173,592,237.38	280,454,871.13
PULAU PINANG	32,126,948.00	91,891,126.71	66,158,099.80	72,834,029.00	36,116,484.00
PERAK	30,981,700.00	124,723,300.00	41,203,540.00	49,524,248.00	50,331,162.60
SELANGOR	464,057,814.86	326,775,144.27	178,960,350.65	144,521,208.88	119,592,867.77
KUALA LUMPUR	32,571,426.00	35,075,476.00	60,645,160.00	98,789,182.00	88,464,879.15
NEGERI SEMBILAN	23,288,275.00	19,636,017.00	21,713,975.00	17,626,577.00	23,533,480.00
MELAKA	38,134,868.66	114,795,321.80	9,575,877.90	45,162,900.00	79,184,163.92
JOHOR	122,173,096.76	91,122,653.70	110,884,229.45	92,891,200.00	200,739,918.50
PAHANG	29,818,376.25	22,128,989.52	38,959,446.67	31,446,572.00	26,500,524.00
TERENGGANU	21,046,080.00	11,431,493.10	13,249,270.00	25,729,179.20	32,128,778.39
KELANTAN	25,358,343.50	13,542,930.00	24,997,006.00	21,770,900.00	22,351,975.00
SABAH	84,628,967.60	78,811,260.77	61,199,772.72	65,664,331.86	89,687,674.76
SARAWAK	60,718,560.18	78,261,794.06	67,482,248.77	80,064,201.15	60,634,359.06
W.P.LABUAN	1,239,000.00	7,494,346.00	4,737,530.00	1,931,400.00	2,224,650.00
W.P.PUTRAJAYA	2,582,624.20	1,563,132.70	2,069,200.00	215,905.00	1,028,780.00
JUMLAH / Total	1,052,603,383.00	1,056,042,771.00	756,690,177.95	927,505,020.47	1,116,145,998.28

Jadual 7 diatas menjelaskan maklumat berkaitan dengan jumlah harta kerugian yang musnah akibat kebakaran mengikut negeri dari tahun 2008 sehingga 2012.

Table 7 above explained further on the total amount of property losses due to fire according to states in year 2008 to 2012.

Jadual 8 : Taksiran Kerugian Harta Benda dari Tahun 2008 sehingga 2012


Table 8 : Assessment of Property Losses from 2008 to 2012

BIL / No	NEGERI / State	JUMLAH TAKSIRAN KERUGIAN / Total Losses Assessment (RM)
1.	Perlis	RM22,115,574.00
2.	Kedah	RM618,365,471.02
3.	Pulau Pinang	RM299,126,687.51
4.	Perak	RM296,763,950.60
5.	Selangor	RM1,233,907,386.43
6.	Kuala Lumpur	RM315,546,123.15
7.	Negeri Sembilan	RM105,798,324.00
8.	Melaka	RM286,853,131.38
9.	Johor	RM617,811,098.41
10.	Pahang	RM148,853,908.44
11.	Terengganu	RM103,584,800.69
12.	Kelantan	RM108,021,154.50
13.	Sabah	RM379,992,007.71
14.	Sarawak	RM347,161,163.22
15.	Labuan	RM17,626,926.00
16.	Putrajaya	RM7,459,641.90

Berikut adalah carta berkenaan dengan jumlah taksiran kerugian sepanjang tempoh lima (5) tahun sebelum iaitu 2008 hingga 2012.

The following is the chart of assessment of properties losses for the period of 5 years from 2008 to 2012.


Carta 12 : Taksiran Kerugian Harta Benda Tahun 2008 hingga 2012
 Chart 12 : Assessment of Property Losses from 2008 to 2012




Berikut dinyatakan melalui graf bar, empat (4) negeri yang mencatat nilai tertinggi melibatkan taksiran kerugian hartabenda akibat dari kes kebakaran:

Below are bar graphs of four (4) states with the highest assessment of property losses due to fire:


Carta 13 : Taksiran Kerugian Harta Benda Bagi Negeri Selangor
Chart 13 : Assessment of Property Losses by Selangor




Carta 14 : Taksiran Kerugian Harta Benda Bagi Negeri Johor
Chart 14 : Assessment of Property Losses by Johor



Carta 15 : Taksiran Kerugian Harta Benda Bagi Negeri Kedah
Chart 15 : Assessment of Property Losses by Kedah



Carta 16 : Taksiran Kerugian Harta Benda Bagi Negeri Sabah
Chart 16 : Assessment of Property Losses by Sabah



BAHAGIAN C

PART C

3. Bilangan Menyelamat 2012

3. Number of Rescue in 2012

3.1 Data Mengikut Negeri

3.1 Data According to States

Jadual 9 : Jumlah Panggilan Menyelamat Mengikut Negeri Bagi Tahun 2012
 Table 9 : Statistics of Rescue Calls According to State For 2012

BIL No	PERKARA / NEGERI Item / State	PLS	KED	PP	PRK	SEL	KL	NS	MEL	JOH	PHG	TRG	KEL	SAB	SWK	LAB	PUT	JUMLAH Total
A. KEMALANGAN JALANRAYA <i>Road Accident</i>		45	358	266	636	973	281	437	282	820	503	206	244	430	405	18	23	5,927
1	Kemalangan Jalanraya Bandaran / Jalanraya biasa <i>Ordinary/Municipal Roads</i>	38	163	139	120	497	71	218	197	392	284	108	117	210	304	10	0	2,868
2	Kemalangan Jalanraya Persekutuan / Jalanraya Utama <i>Main/Federal Roads</i>	0	99	47	334	159	121	82	23	243	101	81	107	185	74	8	18	1,682
3	Kemalangan Lebuhraya <i>Highway</i>	7	85	74	178	268	89	134	60	176	98	13	8	10	10	0	4	1,214
4	Kemalangan Lain-Lain Jenis <i>Jalanraya / Other Roads</i>	0	11	6	4	49	0	3	2	9	20	4	12	25	17	0	1	163
B. TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BERBAHAYA <i>Leakage And Spillage of Hazardous Materials</i>		20	42	161	117	273	74	51	90	167	20	66	13	16	165	1	44	1,320
1	Petroleum (Petrol, Diesel, LPG dll produk petroleum) <i>Petroleum (Petrol, Diesel, LPG other Petroleum Products)</i>	19	31	136	112	249	70	43	81	121	17	55	12	4	142	0	44	1,136
2	Bahan Kimia (asid, alkali, bes) <i>Chemicals (Acid, Alkaline, Base)</i>	0	2	13	4	4	3	0	3	8	1	4	0	1	5	1	0	49
3	Bahan Bahaya Lain (Agen Biologi, Anthrax, Radioaktif) <i>Other Hazardous Materials (Biological Agents, Anthrax, Radioactive)</i>	0	3	3	0	1	1	0	0	9	2	0	0	0	2	0	0	21
4	Bahan tidak berbahaya (minyak kelapa sawit, yis) <i>Non-Hazardous Materials (Palm Oil, Yeast)</i>	1	6	9	1	19	0	8	6	29	0	7	1	11	16	0	0	114
C. PANGGILAN KECEMASAN BANGUNAN / STRUKTUR <i>Building and Structure Emergencies</i>		5	30	448	61	538	1019	41	53	122	18	16	19	30	30	7	146	2,583
1	Terperangkap Dalam Lif <i>Trapped in Lift</i>	3	10	352	30	285	864	20	21	46	10	10	9	12	9	3	120	1,804
2	Terperangkap Dalam Bilik/Rumah/Bangunan <i>Trapped in Room/House/Building</i>	1	9	74	29	185	120	13	29	45	3	4	3	13	15	4	26	573
3	Tersepit/ Terperangkap Di Mesin <i>Trapped/Pinching in Machineries</i>	1	11	22	2	68	35	8	3	29	5	2	7	5	6	0	0	204
D. PANGGILAN MENCARI & MENYELAMAT <i>Search and Rescue</i>		8	50	38	54	128	14	33	22	104	45	44	33	57	83	5	0	718
1	Lemas Dalam Air <i>Drowning in Water</i>	7	22	19	35	43	13	17	11	48	28	33	22	33	55	1	0	387
2	Lemas Dalam Pembentungan <i>Suffocation in Sewers</i>	0	3	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	7
3	Hilang Dalam Hutan <i>Lost in the Jungle</i>	0	5	9	5	22	0	1	4	12	4	4	2	9	13	0	0	90
4	Lain-lain Kerja Mencari & Menyelamat <i>Other Search and Rescue Operations</i>	1	21	10	14	60	1	15	7	48	13	7	9	14	15	4	0	239
E. PANGGILAN BENCANA ALAM <i>Natural Disaster</i>		25	326	150	437	364	143	117	65	262	117	117	67	196	165	33	6	2,590
1	Bencana Banjir / Flooding	4	16	11	73	103	33	33	21	59	31	48	18	16	11	12	3	492
2	Tanah Runtuh / Land Slide	0	2	3	9	48	16	8	2	21	12	4	0	5	8	0	0	138
3	Bangunan Runtuh <i>Building Collapse</i>	0	1	2	1	6	0	1	0	0	0	1	2	1	1	0	0	16
4	Ribut / Angin Kencang <i>Strong wind/ Storm</i>	15	63	12	3	30	67	0	1	42	12	18	43	13	7	0	0	326
5	Lain-lain Bencana Alam / Others	6	244	122	351	177	27	75	41	140	62	46	4	161	138	21	3	1,618
JUMLAH MENYELAMAT / Total		103	806	1063	1305	2276	1531	679	512	1475	703	449	376	729	848	64	219	13,138

Jadual diatas adalah data yang diperolehi bagi kategori menyelamatkan untuk tahun 2012, sebanyak 13,138 kes telah direkodkan bagi kes-kes menyelamatkan manakala sebanyak 19,721 panggilan bagi kes khidmat kemanusiaan dan data keseluruhan bagi tahun 2012 adalah sebanyak 32,859 kes direkod dan telah dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dari jumlah kategori menyelamatkan ini, sebanyak 5,424 kes (45.11%) melibatkan Kemalangan Jalanraya, dimana negeri Selangor mencatat jumlah tertinggi diantara negeri-negeri lain iaitu 973 kes kemalangan direkodkan.

Kategori kedua tertinggi adalah dari pecahan panggilan Kecemasan Bangunan / Struktur iaitu sebanyak 2,583 kes (19.66%) dan Kuala Lumpur adalah penyumbang terbesar bagi jumlah kategori ini sebanyak 1,019 kes (39.45%).

Panggilan Bencana Alam pula, merekodkan kes sebanyak 2,590 panggilan iaitu 19.71% dari pecahan panggilan yang lain. Jumlah yang banyak mempengaruhi bilangan ini adalah dari negeri Perak sebanyak 437 kes yang dihadiri. Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya pula mencatat jumlah sebanyak 1,320 kes panggilan dimana sumber tumpahan dari jenis petroleum mendominasi bilangan kemalangan iaitu sebanyak 1,136 kes. Negeri Selangor sekali lagi mencatat jumlah yang tertinggi dalam pecahan ini, iaitu sebanyak 249 kes kemalangan tumpahan dan kebocoran.

Jumlah yang terkecil dalam kategori menyelamatkan ini adalah dari kes panggilan Mencari & Menyelamat iaitu sebanyak 718 panggilan (5.47%) dari panggilan menyelamatkan yang lain. Sebanyak 128 kes telah direkod bagi negeri tertinggi iaitu negeri Selangor. Pecahan Lemas Dalam Air menyumbang peningkatan data dalam pecahan menyelamatkan ini, iaitu sebanyak 387 kes setahun dibandingkan dengan kes pada tahun 2011 iaitu 360 kes (rujuk Jadual 10).

The above table contained information on rescue services in year 2012, of which 13,138 cases were recorded for rescue cases, while 19,721 cases were calls for humanitarian aid. Overall 32,859 cases were recorded and attended by Fire and Rescue Department of Malaysia.

Out of the total of rescue category, 5,424 cases (45.11%) were involving road traffic accident, whereby Selangor recorded the highest number of cases with 973 cases recorded.

Second highest category was rescue calls came from building /structure emergencies, with 2,583 cases (19.66%) recorded and Kuala Lumpur was the most significant contributor with 1,019 kes (39.45%).


Natural disaster rescue recorded 2,590 cases which was 19.71% of the total calls. Perak received the most calls with 437 cases attended and contributed significantly to this total amount. Leakage and spillage recorded 1,320 cases of calls with petroleum dominated most of the incident at 1,136 cases. Once again, Selangor recorded the highest amount for this category with Leakage and spillage cases of 249 cases.

The minor contributor in this category was the calls for Search and Rescue with 718 calls (5.47%) for other calls. The highest calls came from Selangor with 128 cases. Drowning in water recorded 387 cases which contributed to the rise in this category as compared to previous year of 2011 with 360 cases (refer to Table 10).


Berikut adalah carta yang menjelaskan perbandingan diantara kategori menyelamatkan:

Below is the chart of comparison between rescue categories:

Carta 17 : Panggilan Menyelamat Tahun 2012
Chart 17 : Rescue Calls for Year 2012



Carta 18 : Panggilan Menyelamat Mengikut Negeri Bagi Tahun 2012
Chart 18 : Rescue Calls According to States In Year 2012



3.2 Perbandingan Analisa Kategori Menyelamat Tahun 2007 sehingga 2012

3.2 Comparative Analysis of Rescue Category from 2007 to 2012

Jadual 10 : Perbandingan Panggilan Menyelamat 2007 sehingga 2012
Table 10 : Comparison of Rescue Calls from 2007 to 2012

BIL No	PERKARA Items	MENYELAMAT / Rescue						JUMLAH Total
PENYIASATAN KEBAKARAN merupakan satu bidang forensik yang amat sukar dilaksanakan kerana melibatkan pemerhatian mengenai kejadian yang telah berlaku dengan sebahagian dari bahan-bahan bukti telah dimusnahkan oleh kebakaran. Pembinaan bangunan dengan rekabentuk yang lebih sofistikated dan kepelbagaian 'human behaviour' telah menambahkan lagi kesukaran pelaksanaan penyiasatan kebakaran.

Oleh itu, pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran telah diberi pendedahan yang tinggi berkaitan teknik penyiasatan kebakaran yang saintifik dan sistematik. Pegawai-pegawai telah dihantar menghadiri kursus-kursus berprestasi tinggi yang melibatkan kepakaran luar negara terutamanya tenaga pakar dari *International Association of Arson Investigators (IAAI)*, *US Bureau of Alcohol, Tobacco and Firearms (ATF)* dan *US National of Standards and Technology (NIST)*. Pegawai-pegawai juga telah dibekalkan dengan peralatan canggih yang berteknologi tinggi agar dapat melaksanakan tugas dengan berkesan, seterusnya dapat merealisasikan matlamat jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh negara.

Fire investigation is not easy to be done because it is involving the observation of the evidences which were burned and destroyed by the fire. Recent high-technology and sophisticated building designs and various types of human behavior will make this field more challenging.

Therefore, fire investigation officers were exposed to high level techniques by sending them to Fire Investigation courses which involved many expertises from all over the world such as from International Association of Arson Investigators (IAAI), US Bureau of Alcohol, Tobacco and Firearms (ATF) and US National of Standards and Technology (NIST). Futhermore, they are also provided with high technology equipment for enhancing their effectiveness and also contribute to achieve our vision to be a great organization.

MISI

Mission

Bahagian Penyiasatan Kebakaran komited untuk menjalankan penyiasatan kebakaran sesuatu kejadian kebakaran dengan profesional melalui pendekatan saintifik dan sistematik di samping melaksanakan pendakwaan secara profesional.

The Fire Investigation Division is committed to perform an investigation of a fire at a fire scene professionally through scientific and systematic approach as well as to perform prosecution professionally.

OBJEKTIF

Objective

- Melaksanakan penyiasatan kebakaran dengan kaedah saintifik.
- Melaksanakan pendakwaan kebombaian secara berkesan yang mampu memberi pengajaran (*deterrent*) dan kesedaran keselamatan kebakaran.
- Menggubal draf akta-akta serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kebombaian.
- *Implement fire investigation using scientific methods*
- *Implement effective fire prosecution as a deterrent and awareness on fire safety.*
- *Drafting acts and rules relating to fire services.*

PIAGAM PELANGGAN

Client Charter

Komitmen kami adalah untuk memastikan semua penyiasatan kebakaran dan penyediaan kertas siasatan pelanggaran kesalahan di bawah Akta 341 dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Our commitment is to ensure that all fire investigation and preparation of investigation report for offences that contravenes Act 341 are done systematically and effectively.


Dengan itu kami berjanji akan:

Therefore we pledge to:

- Melengkapkan kertas penyiasatan kebakaran dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas penyiasatan kebakaran dimulakan.
- Menyiapkan kertas siasatan pelanggaran kesalahan berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh aduan diterima.
- *Complete the fire investigation paper within twenty one(21) days after the initiation of fire investigation.*
- *Completion of investigation report for offences that contravenes Act 341 within twenty one(21) days after the reports received.*

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Organisation Chart of Fire Investigation Division



FUNGSI BAHAGIAN

Function of Each Branch

Cawangan Penyiasatan Kebakaran

- Menyediakan dasar dan arahan berkaitan dengan pengambil-milik premis dan harta benda di bawah seksyen 46, Akta 341.
- Menyediakan panduan pengumpulan sampel dan data-data sebagai bahan-bahan bukti.
- Menyediakan panduan soal-siasat saksi berdasarkan seksyen 42 dan 43, Akta 341.
- Menyediakan dasar dan arahan penyiasatan kebakaran.
- Mengkaji teknik-teknik sains forensik dalam penyiasatan kebakaran.
- Mengkaji keperluan perundangan untuk melaksanakan penyiasatan kebakaran.
- Menasihati pakar dalam melaksanakan penyiasatan kebakaran.
- Menjalankan penyiasatan kebakaran bagi kes besar dan mempunyai kepentingan Negara.
- Menjadi saksi pakar di mahkamah.
- Menyediakan dasar penganalisan sampel di makmal.
- Menganalisa hasil-hasil siasatan untuk dijadikan dasar dan panduan bagi sesuatu industri dan JBPM.
- Menyediakan panduan dan arahan penganalisan sampel di makmal dan pengumpulan yang berkesan.

Cawangan Pendakwaan Kebomba-an

- Menyediakan dasar dan arahan pendakwaan yang berkesan.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam pendakwaan.
- Menjalankan penyiasatan di bawah seksyen 38, 39, 41, 42 dan 43 Akta 341.
- Menyediakan Kertas Siasatan.
- Mendaftar kes ke mahkamah.
- Menjalankan pendakwaan sepertimana diberi kuasa di bawah seksyen 44, Akta 341.
- Menjalankan pengkompaunan kesalahan.
- Penasihat kepada pendakwaan kes di bawah Akta 341.
- Menguruskan perwakilan kuasa kepada pegawai bomba dan pemberian kuasa.

Cawangan Perundangan Kebomba-an

- Menyediakan draf, menyemak dan memperbaharui undang-undang.
- Membuat kajian keperluan undang-undang dan subsidiarinya.
- Menyediakan draf Peraturan-Peraturan berkaitan fungsi dan objektif jabatan.
- Mengkaji dan menyemak Arahan-Arahan JBPM

Fire Investigation Branch

- *Provides policies and instructions related to the seizure of premises and properties under Section 46, Act 341.*
- *Provides guidelines on sample and data collection as evidence materials.*
- *Provides guidelines for interrogations of witnesses under section 42 and 43, Act 341.*
- *Provides policies and directives for fire investigation.*
- *Review the techniques of forensic sciences in fire investigation.*
- *Reviewing the legal requirements to carry out fire investigation.*
- *As an expert advisor in performing fire investigations.*
- *Conduct fire investigation for major fire cases with National interest.*
- *As an expert witness in Court.*
- *Provides policies on analysis of samples in the laboratory.*
- *Analyze the investigation findings to be referred as policies and guidelines for certain industries and FRDM.*
- *Provides guideline and directive on effective collection and laboratory analysis of samples.*

Fire Prosecution Branch

- *Provides policies and directives for an effective prosecution.*
- *Reviewing the legal requirements in the prosecution.*
- *Conduct investigation under section 38, 39, 41, 42 and 43, Act 341.*
- *Provides investigation papers.*
- *Registering cases in court.*
- *Conduct prosecutions as authorized under section 44, Act 341.*
- *Conduct compounding of offenses.*
- *As an advisor to prosecution under Act 341.*
- *Managing the delegation and empowerment of authority to fire officials.*

Fire Legal Branch

- *Prepare draft, revision and renewal of laws.*
- *Research the legal requirements and its subsidiaries.*
- *Prepare drafts of regulations relating to the functions and objectives of the department.*
- *Review and revise FRDM directives*

AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Fire Investigation Division Activities

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat Ibu Pejabat JBPM telah berjaya dianjurkan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran pada 28 Februari 2012. Majlis ini diadakan bertujuan menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini jabatan kepada seluruh warga Ibu Pejabat JBPM. Majlis ini telah dilaksanakan di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM Putrajaya dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan jabatan serta seluruh anggota warga kerja Ibu Pejabat JBPM.

Perhimpunan pada kali ini menyaksikan YAS Ketua Pengarah dalam ucapannya memperjelaskan tentang hasrat Jabatan iaitu "We want to be a great organisation, Not just ordinary organisation". Untuk mencapai hasrat itu, jabatan memerlukan pegawai yang benar-benar berkualiti atau *great officer* yang mampu menjadi pemimpin dan individu yang berkebolehan serta mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang.

Beliau juga turut menegaskan supaya lebih banyak perubahan perlu dilakukan oleh jabatan dan ianya hendaklah dijadikan satu kemestian.

Majlis perhimpunan ini dimeriahkan dengan upacara memotong kek sempena sambutan hari ulang tahun kelahiran warga kerja Ibu Pejabat JBPM yang menyambut kelahiran pada bulan Februari 2012. Pada masa yang sama, turut diraikan majlis perpisahan Pengarah Bahagian Pengurusan iaitu Tn. Hj. Zainudin bin Hj. Abd Aziz yang bertukar ke KPKT.



Pegawai-pegawai Ibu Pejabat yang hadir
Officers from HQ



Acara memotong kek sempena
Sambutan Hari Lahir
Cake cutting event for birth days



Penyampaian Cenderahati kepada
Mantan Pengarah Bahagian Pengurusan
Souvenir Presentation to the Former Director
of Management Division

MONTHLY ASSEMBLY

FRDM Headquarters Monthly Assembly was organised by Fire Investigation Division on 28 February 2012. The ceremony was to convey the latest information and development of the department to all staff of FRDM HQ. It was held at Dewan Sutera FRDM HQ Putrajaya and attended by the department's senior officers and all of staff of FRDM HQ.

The assembly witnessed the DG in his speech clarifying the Department's desire which is "We want to be a great organization, Not just an ordinary organisation". To accomplish the desire, the department requires officers with genuine qualities, whom are able to become leaders and capable individuals with expertise in certain fields.

He also raised that more changes needed to be done by the department and it must be a commitment of every one.

This gathering was marked with a cake cutting ceremony to celebrate the birth days of FRDM HQ staff in February 2012. Meanwhile, it was also been the farewell ceremony for former Director of Management Division Tn. Hj. Zainudin bin Hj. Abd Aziz.



Ucapan YAS Ketua Pengarah
Speech by Director General

MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN DAN PEGAWAI MAKMAL BIL. 1/2012

Mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bil. 1/2012 telah diadakan di Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka pada 12 – 14 Mac 2012.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Dalam ucapan perasmian beliau menegaskan bahawa Bahagian Penyiasatan Kebakaran merupakan antara komponen utama jabatan dan perlu berdiri dan bergerak seiringan dengan misi dan visi jabatan. Oleh itu, tahap profesionalisme dikalangan pegawai penyiasat perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menjaga imej dan nama baik jabatan. Beliau juga menyeru kepada pegawai-pegawai kanan di Bahagian Penyiasatan Kebakaran untuk menjadi ahli kepada persatuan penyiasatan antarabangsa seperti IAAI. Penglibatan-penglibatan seperti ini penting kepada pegawai penyiasat kita sebagai pendedahan ke arah era globalisasi penyiasatan kebakaran Malaysia.

Dalam mesyuarat tersebut, beberapa perkara telah dibincangkan termasuk pencapaian bagi tahun 2011 dan perancangan Bahagian Penyiasatan Kebakaran bagi Tahun 2012.



YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran mempengerusiakan mesyuarat
YS Assistant Director General of Fire Investigation Division chairing the meeting

Penolong-penolong Pengarah Negeri dan Pegawai-pegawai Makmal Bahagian Penyiasatan Kebakaran yang menghadiri mesyuarat
State Assistant Directors and Lab Officers of Fire Investigation Division attending the meeting



Majlis Perasmian oleh YAS Ketua Pengarah
YAS Opening Ceremony by the Director General

FIRE INVESTIGATION DIVISION STATE ASSISTANT DIRECTORS AND LAB OFFICERS MEETING 1/2012

A meeting was held at Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka on 12 – 14 March 2012.

It was officiated by the FRDM DG YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim. In his speech, he stressed that the Fire Investigation Division is one of the main component of the department and needs to stand up and move in tandem with the mission and vision of the department. Therefore, the level of professionalism among the investigating officers needs to be improved from time to time to maintain the image and reputation of the department. He also called on senior officers in the Fire Investigation Division to become a member of international associations such as IAAI. These involvement is important to the investigators as an exposure towards globalization era of fire investigation in Malaysia.

Few aspects were discussed during the meeting including Fire Investigation Department's achievement during year 2011 and succession plan for year 2012.



LAWATAN DARI DELEGASI LUAR NEGARA KE MAKMAL PENYIASATAN KEBAKARAN JBPM

JBPM telah berjaya menarik minat negara-negara luar dalam bidang penyiasatan kebakaran. Ini terbukti apabila terdapat beberapa delegasi daripada negara luar seperti Maldives dan Fiji telah datang untuk membuat lawatan dan bertukar-tukar pandangan dalam bidang penyiasatan kebakaran. Delegasi pertama iaitu daripada Maldives telah hadir pada 2 Oktober 2012 dan diketuai oleh Mejar Jeneral Ahmed Shiyam, Chiefs Defence Force. Delegasi tersebut telah diberi taklimat ringkas dan di bawa melawat ke Makmal Penyiasatan Kebakaran Negeri Selangor.



YS PKPJ B Edwin Galan Teruki memberi penerangan kepada Mejar Jeneral Ahmed Shiyam Chiefs Defence Force, Maldives

YS PKPJ B Edwin Galan Teruki briefing Maldives Chiefs Defence Force, Major General, Ahmed Shiyam

VISITS FROM OVERSEAS DELEGATION TO FRDM FIRE INVESTIGATION LABS

FRDM has attracted interest from foreign countries in the field of fire investigation. This was evident when there were a number of delegations from foreign countries such as Maldives and Fiji visited and exchanged ideas in the field of fire investigation. Maldives delegation come here on October 2, 2012 and headed by Chiefs Defence Force Major General Ahmed Shiyam. The delegation was briefed and taken to visit Selangor Fire Investigation Laboratory.



Chairman Fiji National Fire Authority melawat peralatan Makmal Penyiasatan Kebakaran JBPM

Chairman Fiji National Fire Authority viewing the equipments at FRDM Fire Investigation Laboratory

Delegasi kedua yang turut berminat dalam bidang ini adalah Fiji National Fire Authority. Delegasi ini telah berkunjung ke JBPM pada 18 Oktober 2012 dan diketuai oleh oleh Commander Francis Kean. Delegasi ini juga telah dibawa melawat ke Makmal Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri Selangor untuk diberikan taklimat berkenaan Makmal Penyiasatan Kebakaran JBPM. Kehadiran delegasi-delegasi ini menunjukkan bahawa kepakaran penyiasatan kebakaran di Malaysia telah diiktiraf dan mendapat perhatian dari pelbagai agensi di luar negara.

The second delegation was from Fiji National Fire Authority. The delegation visited FRDM on October 18 2012 and led by Commander Francis Kean. The delegation was briefed and taken to visit Selangor Fire Investigation Laboratory. The presence of delegates from overseas indicated that our fire investigation expertise is recognized and acknowledged by various agencies abroad.

MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN DAN PEGAWAI MAKMAL BIL. 2/2012

Mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bil. 2/2012 telah diadakan di Tok Aman Bali Beach Resort, Kelantan pada 14-17 Oktober 2012. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM pada 15 Oktober 2012. Dalam ucapan pembukaan tersebut, beliau mahukan setiap pegawai penyiasat di jabatan ini memberikan perkhidmatan yang terbaik. Seiring dengan slogan jabatan iaitu "Cepat dan Mesra" semua pegawai perlulah mempunyai sikap "sense of urgency" dan pemikiran memudah carakan orang ramai ketika melaksanakan siasatan dan menyiapkan laporan bagi sesuatu kes demi kebaikan dan faedah masyarakat umumnya.

Dalam mesyuarat tersebut, pencapaian Bahagian sehingga Jun 2012 telah dinilai dan beberapa strategi telah diatur supaya sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Selain itu, beberapa isu berbangkit berkaitan penyiasatan kebakaran, perundangan, pendakwaan dan pengkompaunan juga telah dibincangkan.

FIRE INVESTIGATION DIVISION STATE ASSISTANT DIRECTORS AND LAB OFFICERS MEETING 2/2012

A meeting was held at Tok Aman Bali Beach Resort, Kelantan on 14-17 October 2012. It was officiated by the FRDM DG YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim on 15 October 2012. In his opening remarks, he wanted every investigation officers in the department to provide their best services. In line with the department's slogan of "Cepat dan Mesra", every officer should have the sense of urgency and to facilitate the public while carrying out investigations and preparing a report for cases for the advantage and benefit of the public.



YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim memberikan ucapan pembukaan dan merasmikan mesyuarat
YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim giving the opening speech and officiating the meeting



Amanat YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Message from YAS Deputy Director General (Operations)



Ucapan Aluan oleh YS PKP Bahagian Penyiasatan Kebakaran
Welcoming speech from YS Assistant Director General Fire Investigation Division

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mahadi bin Md Ali Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM pada 17 Oktober 2012. Dalam ucapan tersebut beliau menyeru kepada semua warga Bahagian Penyiasatan Kebakaran untuk berubah sikap dan berubah cara bekerja serta mengatur strategi baru bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian samada dari segi penyiasatan kebakaran mahupun dalam proses melaksanakan pendakwaan agar *outcome* yang diperolehi lebih sempurna.



The closing ceremony was graced by YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Deputy Director General (Operations) FRDM on October 17, 2012. In his speech, he called on all staff of Fire Investigation Division to have a change attitudes and ways of working and to organize new strategies to improve the delivery system from either during the fire investigation or prosecution so as the results would be immaculate.

Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bil 2/2012
Fire Investigation Division State Assistant Directors and Lab Officers Meeting 2/2012

KURSUS ADVANCED ELECTRICAL FIRE: ELECTRIC ARC EXPLOSIONS AND LOW VOLTAGE IGNITION SOURCE

Kursus Advanced Electrical Fire: Electric Arc Explosions and Low Voltage Ignition Source telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 6 hingga 15 November 2012. Kursus ini turut dihadiri oleh YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran iaitu PKPjB Edwin Galan Teruki dan juga pegawai-pegawai kanan yang telah dipilih di setiap negeri.

Kursus kepakaran luar pada kali ini telah menjemput beberapa orang tenaga pengajar pakar dan cukup berpengalaman daripada luar negara khususnya dalam bidang elektrikal dan penyiasatan kebakaran seperti Dr. Nicholas Carey dari London Fire Brigade UK, Mr. Mark J Svare (PE) daripada MSD Engineering dan Mr. John Malooly, Senior Special Agent (ATF Retired) daripada USA.

Kursus ini adalah bertujuan untuk mengemaskini pengetahuan dan kemahiran peserta kursus berkenaan kebakaran yang melibatkan elektrik dan peralatan elektrik. Matlamat kursus ini adalah untuk menggalakkan percambahan minda dan pengalaman bagi menjadikan pegawai penyiasat lebih berkemahiran dalam menangani kes-kes kebakaran yang melibatkan elektrik.

ADVANCED ELECTRICAL FIRE COURSE: ELECTRIC ARC EXPLOSIONS AND LOW VOLTAGE IGNITION SOURCE

The course was conducted at FRAM Kuala Kubu Bharu, Selangor on 6-15 November 2012. The two weeks course was attended by YS Assistant Director General Fire Investigation Division PKPjB Edwin Galan Teruki and selected senior officers from each state.

This course has invited several experienced expert instructors from overseas especially in the electrical and fire investigation field such as, Dr. Nicholas Carey from London Fire Brigade UK, Mr. Mark J Svare (PE) from MSD Engineering and Mr. John Malooly, Senior Special Agent (ATF Retired) from USA.

The course was designed to update the knowledge and skills on fires involving electricity and electrical equipment.

The goal of this course was to expose the participants to the new knowledge and give opportunity for them sharing ideas about electrical fire.



Tenaga pengajar memberi taklimat kursus
The instructors briefing during the course



Latihan Praktikal yang diadakan semasa kursus
Practical training during the course

Pegawai-pegawai Kanan Bahagian Penyiasatan Kebakaran yang menghadiri kursus
Senior Officers of Fire Investigation Division who attended the course



PAMERAN BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran turut menyertai beberapa pameran kebombaan dalam memupuk kesedaran masyarakat tentang punca-punca dan sumber nyalaan kebakaran. Peluang ini telah digunapakai sebaik mungkin oleh Bahagian ini untuk menterjemahkan segala hasil penemuan siasatan di dalam bentuk yang mudah difahami.

FIRE INVESTIGATION DIVISION EXHIBITION

Fire Investigation Division Exhibition participated in several firefighting exhibition in inculcating the community awareness on the cause and source of ignition. The opportunity was utilized as far as possible by the Division to translate their findings of investigations in the forms that are easily understood and fire prevention tips closer to the community.



Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang, Perak
Opening of Hutan Melintang, Perak Fire Station



Himpunan Jutaan Belia 2012 di Putrajaya
Himpunan Jutaan Belia 2012 Putrajaya

Antara pameran yang terlibat adalah seperti Sambutan Hari Anggota Bomba, Sambutan Hari Inovasi dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Jelajah Janji Ditepati, Majlis Perasmian Balai Baru, Himpunan Jutaan Belia 2012 dan International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012.

Some of the exhibitions that has the Fire Investigation Division involvement where Fire Fighters' Day Celebration, Innovation Day Celebration and Innovative and Creative Group Convention, Janji Ditepati Tour, Opening ceremony of new fire stations, Himpunan Jutaan Belia 2012 and International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012.

Di samping itu juga beberapa peralatan terkini yang digunakan semasa menjalankan penyiasatan juga dipamerkan untuk memberi pendedahan kepada orang awam tentang teknik penyiasatan kebakaran yang diaplikasi oleh JBPM.

There were several latest high technology equipments and techniques of fire investigation exposed to the public during the exhibition.



International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre
International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012 at Kuala Lumpur Convention Centre

GAMBAR-GAMBAR PENYIASATAN KEBAKARAN

Photos of Fire Investigation

KEBAKARAN KAPAL TANGKI KIMIA METHANOL (BUNGA ALPINIA) DI JETI PLANT 1, PETRONAS METHANOL (LABUAN) SDN. BHD. DI LABUAN

Kredibiliti Penyiasatan Kebakaran JBPM telah diuji lagi dengan kejadian kebakaran yang besar melibatkan sebuah kapal tangki kimia milik MISC Berhad yang membawa muatan Methanol. Kapal Methanol itu bukan sahaja terbakar malah turut menghasilkan beberapa siri letupan yang kuat. Peristiwa tragis ini telah meragut nyawa seramai 5 orang anak kapal tersebut.

Kejadian ini didapati berlaku pada jam 2.30 pagi, 26 Julai 2012 ketika sedang dalam proses memuatnaik Methanol. Kapal tersebut didapati telah terbakar sebelum berlakunya letupan.

Kebakaran yang mengambil masa 3 hari untuk dipadamkan ini telah disiasat oleh pasukan penyiasatan kebakaran daripada Ibu Pejabat, JBPM yang diketuai oleh YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PKPjB Edwin Galan Teruki. Turut menganggotai pasukan siasatan adalah YS Pengarah JBPM Sabah, PKPjB Nordin B. Pauzi dan pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran JBPM Labuan.

FIRE ONBOARD METHANOL CHEMICAL TANKER (BUNGA ALPINIA) AT JETTY 1 PLANT 1, PETRONAS METHANOL (LABUAN) SDN. BHD. IN LABUAN

FRDM Fire Investigation credibility was tested again when a major fire incident occurred involving a chemical tanker owned by MISC Berhad laden with methanol. The methanol ship was not only ablaze but also produced series of explosions. The tragic event has claimed lives of five crew members.

This incident occurred at 2.30 am, July 26, 2012 while loading Methanol. The ship was found burning before the explosion.

The fire took three days to be extinguished and was investigated by the Fire Investigation Division FRDM Headquarters, led by YS Assistant Director General, PKPjB Edwin Galan Teruki. The investigation also assisted by YS Director of FRDM Sabah, PKPjB Nordin B. Pauzi and fire investigation officers of FRDM Labuan.



Keadaan kapal tangki Methanol yang terbakar
Conditions Methanol burning tanker



Operasi pemadaman sedang dilakukan oleh anggota JBPM Labuan
Firefighting operations are being carried out by members of the FRDM Labuan



YS PKP Bahagian Penyiasatan Kebakaran mendapatkan maklumat awal berkenaan kebakaran daripada kakitangan MISC Berhad

YS Assistant Director General of Fire Investigation Division obtaining preliminary information on the fire from the personnel of MISC Berhad



Pegawai penyiasat kebakaran sedang menjalankan siasatan di atas kapal
Investigation officers onboard the stricken ship

ANALISA STATISTIK PENYIASATAN KEBAKARAN STRUKTUR

Statistical Analysis of Fire Structural Investigation

Jadual 1: Statistik Kebakaran Struktur Mengikut Sumber Nyalaan bagi tahun 2012
Schedule 1: Statistic of Structural Fire According to Source of Ignition in year 2012

Jenis Premis (Premises)	Sumber Nyalaan (Source of Ignition)										Jumlah (Total)		
	Petir (Lightning)	Tindakan spontan (Spontaneous Combustion)	Pendawaian Elektrik (Electrical Wiring)	Peralatan Elektrik (Electric Appliance)	Geseran (Friction)	Api Terbuka (Open Burning)	Api Berbara (Glowing Fire)	Letupan (Explosion)	Tindakan Kimia (Chemical Reaction)	Permukaan Berbara Tinggi (Hot Surface)		Lain-Lain (Others)	Tidak Dapat Dipastikan (Undetermined)
1. Kilang (Factory)	4	9	180	57	20	55	45	3	7	55	15	3	453
2. Pejabat (Office)	7	0	117	34	1	27	18	0	0	2	1	1	208
3. Kediaman (Residential)	55	16	1,446	450	35	1,071	328	20	33	292	109	23	3,878
4. Kedai (Shop)	8	9	359	89	2	206	49	0	0	39	10	7	778
5. Sekolah (School)	12	0	73	28	3	30	8	1	0	2	3	1	161
6. Pusat Membeli Belah (Shopping Complex)	0	0	19	7	0	0	4	0	0	1	1	0	32
7. Stor/Gudang (Store)	3	1	68	10	0	37	27	0	6	2	7	2	163
8. Dewan Perhimpunan (Place of Assembly)	0	1	15	7	1	15	3	0	0	1	0	0	43
9. Hospital/Klinik (Hospital/Clinic)	2	0	17	9	0	5	1	1	2	2	0	0	39
10. Asrama/Hotel (Boarding/Hotel)	4	1	36	12	1	15	8	0	0	2	1	0	80
11. Stesen Minyak (Petrol Station)	0	3	4	2	0	0	0	0	0	1	1	0	11
12. Struktur Khas (Special Structure)	3	0	36	8	1	10	4	2	0	3	1	0	68
13. Lain-Lain Bangunan (Other Building)	3	7	140	14	2	55	29	2	1	10	15	0	278
JUMLAH (Total)	101	47	2,510	727	66	1,526	524	29	49	412	164	37	6,192

Pada tahun 2012, sebanyak 6,192 kes kebakaran struktur telah disiasat oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran. Dari jumlah tersebut 3,878 kes atau 62.63% daripada jumlah keseluruhan berlaku di rumah kediaman. Sumber nyalaan utama yang menjadi pencetus kepada kebakaran di rumah kediaman adalah akibat kegagalan sistem pendawaian elektrik iaitu sebanyak 1,446 kes.

Oleh yang demikian, kempen kesedaran kepada orang awam perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan risiko kebakaran akibat faktor kegagalan sistem pendawaian elektrik. Hasil penyiasatan yang dijalankan, risiko kebakaran akibat faktor ini dapat dikurangkan dengan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- i. Tidak menggunakan sistem pendawaian elektrik yang telah uzur atau tamat tempoh.
- ii. Menggunakan sistem pendawaian yang menepati piawaian yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab.
- iii. Aktiviti penyelenggaraan dan penyambungan pendawaian elektrik hanya dilakukan oleh individu yang kompeten.
- iv. Pemantauan terhadap sistem pendawaian elektrik di rumah kediaman dibuat secara berkala oleh pihak-pihak yang berkaitan.

In 2012, number of structure fires investigated by the fire investigation Division was 6,192 cases. 3,878 cases involved residential or 62.63% of the total cases compared to other premises. The main ignition source of fire at home was due to failure of the electrical wiring system consisting of 1,446 cases.

Hence, awareness on the aspect of fire safety of the residents has to be enhanced from time to time to prevent fire incident. Based on the investigation, several items needs to be given attention, which were:

- i. Replace aged or expired electrical wiring system.*
- ii. Installation of electrical wiring that meet the standard required by the authorities.*
- iii. Wiring connection and schedule maintenance activities by competent individuals.*
- iv. Periodic monitoring by the relevant authorities on electrical wiring system.*

Jadual 2: Punca-Punca Kebakaran Bagi Kebakaran Struktur Pada Tahun 2012

Schedule 2: Cause of fire for structural fire in 2012

BIL (No.)	PUNCA (Causes)	JUMLAH (Total)	PERATUS (Percentage)
1	Semula Jadi (Natural)	148	2.4%
2	Kemalangan (Accidental)	5,652	91.3%
3	Sengaja Dibakar (Incendiary)	355	5.7%
4	Tidak Dapat Dipastikan (Undetermined)	37	0.6%
Jumlah (Total)		6,192	100%

Pada tahun 2012, jumlah kes Sengaja Dibakar adalah sebanyak 355 kes atau 5.7% berbanding jumlah keseluruhan kebakaran struktur. Walaupun peratusan bagi kes ini kecil, namun perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana ianya mencerminkan status keselamatan negara.

Tahap keselamatan negara akan terganggu dengan terjadinya kes-kes sebegini dan ini akan menyebabkan kemerosotan pada jumlah kedatangan pelabur serta pelancong asing ke dalam negara.

Setiap laporan kes Sengaja Dibakar yang disiasat perlu diserahkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia supaya pesalah yang bertanggungjawab dapat dikenalpasti dan dikenakan hukuman.

In 2012, there were 355 cases of arson representing 5.7% of the total structure fire cases. Although the total was small, it could reflect on our national security.

The level of national security will be compromised by the occurrence of these cases and in turn will cause a decline in the arrivals of tourist and foreign investors into the country.

Every reported and investigated arson cases shall be handed over to the police so as the responsible offenders can be identified and brought to justice.

PENGGOMPAUNAN KESALAHAN 2012

Compounding of Offences 2012

Jadual 3 : Bilangan Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan dikeluarkan mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2012
Table 3 : Number of Compounding Notices Issued according to Type of offences for the year 2012

KESALAHAN YANG DIKOMPANUN (Type of Offence)	JUMLAH NOTIS YANG DIKELUARKAN (Total of Notices Issued)
Seksyen 23(4) / Section 23(4)	30
Seksyen 25 (2) / Section 25 (2)	2
Seksyen 26 / Section 26	815
Seksyen 51 / Section 51	5
Seksyen 52 / Section 52	141
Seksyen 55 / Section 55	392
Subperaturan 6(2) / Sub-regulation 6(2)	7
JUMLAH [Total]	1,392

Pada tahun 2012, sebanyak 1,392 Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan telah dikeluarkan. Notis Tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan yang tertinggi dikeluarkan adalah kesalahan di bawah seksyen 26 iaitu 815 kes atau 50.5%. Kesalahan di bawah seksyen ini adalah berkenaan perbuatan mengganggu pili bomba dan mengepung atau menyembunyikan pili bomba sehingga menyebabkan tempat pili bomba itu sukar dipastikan. Ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran awam tentang kepentingan dalam memastikan pili bomba supaya tidak diganggu atau disalahguna masih rendah dan perlu diberi perhatian serius.

In 2012, 1,392 Notices for compound were issued. Most compounded offenses were for offenses under Section 26 which were 815 cases or 50.5% of the total offenses. Offenses under this section were related to any acts that disrupt, besieged or obstruct of a fire hydrant causing difficulties for it to be accessed. This indicated that the level of public awareness about the importance of ensuring that the fire hydrant was not tampered with or misused is still low and needed to be taken seriously.

PENDAKWAAN KEBOMBAAN 2012

Fire Prosecution 2012

Jadual 4: Bilangan Kes yang didaftarkan ke mahkamah dan Bilangan kes disabitkan kesalahan bagi tahun 2012
Table 4: Number of Cases Registered in Court and Number of Conviction for the year 2012

PERKARA/Item	JUMLAH/Total
Bilangan kes didaftarkan ke Mahkamah (Number of Cases Registered In Court)	151
Bilangan kes disabitkan kesalahan (Number of Conviction)	57

Sebanyak 363 kertas siasatan berkaitan kesalahan yang melanggar Akta Perkhidmatan Bomba 1988 telah dibuka sepanjang tahun 2012. Jumlah kes yang telah didaftarkan di Mahkamah telah meningkat sebanyak 46.6% dari 103 kes pada tahun 2011 kepada 151 kes pada tahun 2012. Peningkatan ini menunjukkan kompetensi di kalangan pegawai yang menjalankan tugas pendakwaan di negeri-negeri adalah semakin baik.

A total of 363 investigation papers relating to offenses in violation of the Fire Services Act 1988 have been opened during the year 2012. The number of Court registered cases have increased by 46.6% from 103 cases in 2011 to 151 cases in 2012. The increment showed that the competency of the officers conducting the prosecution in the states is improving.

Daripada 151 kes yang didaftarkan di Mahkamah, sebanyak 57 kes telah dihadapkan ke Mahkamah dan disabitkan kesalahan manakala yang selebihnya masih lagi menunggu tarikh perbicaraan.

Of the 151 cases registered in court, 57 cases lead to conviction, while the rest were waiting for court dates of hearing.

PENCAPAIAN BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Achievement of Fire Investigation Division

Jabatan telah berjaya meningkatkan jumlah penyiasatan kes-kes kebakaran samada kebakaran struktur ataupun kebakaran kenderaan. Sepanjang Tahun 2012, sebanyak 8,572 kes kebakaran (kebakaran struktur dan kebakaran kenderaan) telah disiasat berbanding pada Tahun 2011 sebanyak 5721 kes iaitu melibatkan pertambahan sebanyak 50% jumlah penyiasatan yang dijalankan di seluruh negara. Pertambahan ini disebabkan oleh peningkatan kecekapan pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran di samping penggunaan peralatan yang lebih sofistikated semasa penyiasatan kebakaran dijalankan. Satu arahan penyiasatan yang baru juga dikeluarkan agar kes kebakaran kecil disiasat oleh ketua pasukan atau ketua keluaran pertama yang memadam kebakaran tersebut.

Dalam pelaksanaan aktiviti pengkompaunan kesalahan, sebanyak 1,392 Notis Tawaran Untuk Mengkompaunkan Kesalahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2012 berbanding 850 yang dikeluarkan pada tahun 2011. Ini menunjukkan bahawa jabatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang bahaya-bahaya kebakaran aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Akta 341.

Bagi menjamin tahap profesionalisme pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran, jabatan telah mengadakan latihan-latihan kepakaran yang dikendalikan tenaga pakar luar negara. Kursus 'Advanced Electrical Fire: Electric Arc Explosions And Low Voltage Ignition Source' telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu pada 5 - 16 Nov 2012 yang dikendalikan oleh tiga (3) orang tenaga pakar luar negara iaitu Dr Nicholas Carey (specialist in electrical investigation), London Fire Brigade, Mr Mark J Svare, Forensic Electrical Engineer, Master Electrician dan Mr John Malooly, specialist in fire science. Kesemua tenaga pakar ini merupakan Certified Fire Investigators (CFI) yang bernaung di bawah International Association of Arson Investigators (IAAI).

Jabatan juga telah menghantar pegawai-pegawai berkursus ke Bangkok di dalam bidang penyiasatan kebakaran yang dikendalikan oleh tenaga pakar dari ATF dan NIST. Keseluruhan empat orang pegawai telah dihantar menghadiri dua siri kursus (dua orang setiap siri) sepanjang Tahun 2012 bagi memberi pendedahan berguna berkaitan dengan pelaksanaan penyiasatan kebakaran khususnya di rantau Asia Pasifik.

Di samping itu, jabatan juga telah berjaya menarik minat negara luar mengenai pelaksanaan penyiasatan kebakaran. Sebagai contoh lawatan deligasi dari Maldives yang diketuai oleh Mejar Jeneral Ahmed Shiyam, Chief Defence Force telah memohon agar pelaksanaan penyiasatan kebakaran oleh JBPM dipanjangkan melalui kursus-kursus ke negara Maldives.

Lawatan oleh Fiji National Fire Authority yang diketuai oleh Commander Francis Kean pula mencadangkan agar pegawai-pegawainya dihantar ke Malaysia untuk mendalami bidang penyiasatan kebakaran terutamanya di Makmal Penyiasatan Kebakaran.

The department has managed to increase the number of fire investigation cases, either structure or vehicle fire. In 2012, 8,572 cases of fire [structure or vehicle fire] were investigated compared to 5721 cases in 2011, an increase of 50% in the nation. The increment was due to the efficiency of the investigating officers and utilization of sophisticated equipments during investigation. A new investigative directive was issued for small fires which will be investigated by the leader of the first responder.

In the implementation of the compounding of offenses activities, 1,392 notices had been issued in 2012, compared to 850 for the year 2011. This showed that the department strived to increase the public awareness about the dangers of fire through the enforcement activities of Act 341.

To ensure the level of professionalism of the investigation officers, the department conducted specialist training with international instructors. Advanced Electrical Fire: Electric Arc Explosions And Low Voltage Ignition Source course was conducted at FRAM, Kuala Kubu Bharu on 5 - 16 Nov 2012 with 3 international instructors, Dr Nick Carey [specialist in electrical investigation], London Fire Brigade, Mr Mark J Svare, Forensic Electrical Engineer, Master Electrician and Mr Jack Malooly, specialist in fire science. All the instructors were Certified Fire Investigators (CFI) under the auspices of International Association of Arson Investigators (IAAI).

The Department has also sent officers for training to Bangkok in the field of fire investigation conducted by experts from the ATF and NIST. Four officers were sent to attend 2 series of courses (2 officers for each series) in 2012 to give important exposure related to fire investigation implementation in the Asia Pacific region.

In addition, the department has succeeded in attracting foreign countries on the implementation of fire investigation. For example, visit from the Maldives delegation led by Major General Ahmed Shiyam, Chief Defence Force has requested that implementation of the fire investigation by FRDM to be extended through courses conducted in Maldives.

The visit by the Fiji National Fire Authority, headed by Commander Francis Kean also suggested that their officers to be sent to Malaysia to further explore the field of fire investigation, especially at the Fire Investigation Laboratory.

Jabatan juga telah berjaya mengambil peluang sepenuhnya kerjasama yang diadakan dengan universiti-universiti tempatan. Jabatan telah menyumbangkan tenaga pengajar pakar di dalam bidang forensik kebakaran kepada pelajar-pelajar sains forensik di universiti bagi menampung keperluan tenaga mahir forensik kebakaran di dalam dan luar negara untuk pembangunan ekonomi negara. Selain itu, jabatan juga berjaya menjalankan penyelidikan bersama terutamanya di dalam bidang forensik kebakaran seperti Gas Chromatography-Mass Spectrometry (GC-MS) Profile of Ignitable Liquid Residue (ILR) extracted from burnt carpets: A time-dependent study; GC-MS Profile of Ignitable Liquid Residue (ILR) Extracted From Burnt Sand: A Time-Dependent Study; Detection And Recoverability of Accelerant Residues In latent Finger and Palmprints By GC-MS dan Comparison of Fingerprint Quality Recovered from Glass Fragments of Molotov Cocktail Cases.

Seterusnya pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran juga telah bertindak sebagai saksi-saksi pakar dan telah berjaya memberi keterangan saksi pakar di mahkamah bagi kes-kes civil dan jenayah. Keterangan yang diberikan telah diterima dan mendapat laporan yang positif dari pihak mahkamah terutamanya bagi kes di Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.

KESIMPULAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai serta membekalkan mereka dengan peralatan yang canggih, supaya pegawai penyiasat jabatan ini dapat berdiri sebaris dengan pakar-pakar forensik kebakaran di persada antarabangsa.

Sejajar dengan hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, kemahiran pegawai penyiasat ditingkatkan dengan menghantar mereka untuk menghadiri pelbagai aktiviti seperti seminar dan kursus yang diadakan di luar atau di dalam negara.

Selain itu, program kolaborasi atau penyelidikan yang dijalankan bersama institusi pendidikan awam dilihat mampu untuk melahirkan ramai pakar dalam bidang forensik kebakaran di negara ini pada masa akan datang.

Usaha serta langkah yang proaktif dalam penyiasatan kebakaran yang melibatkan kes-kes kebakaran besar telah memberi impak positif dengan penemuan-penemuan yang boleh dijadikan pengajaran kepada pihak yang terlibat.

Kredibiliti Bahagian Penyiasatan Kebakaran dalam forensik kebakaran telah mendapat pengiktirafan dari beberapa agensi luar negara. Ini terbukti apabila Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah menerima beberapa lawatan dari delegasi luar negara seperti Fiji dan Maldives. Perkembangan penyiasatan kebakaran yang begitu pantas di Malaysia telah menyebabkan kita telah menjadi peneraju dan contoh kepada pasukan penyiasatan kebakaran lain di Asia Tenggara dan juga Asia Pasifik.

Pemahaman masyarakat terhadap bahaya kebakaran perlu diberi perhatian terutamanya dalam aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran. Masyarakat perlu didedahkan dengan lebih jelas mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kebakaran serta langkah-langkah pencegahan supaya risiko kebakaran dapat dikurangkan.

The department has also managed to take full advantage of cooperation held with local universities. The Department has contributed expert instructors in the field of fire forensic to the forensic science students at universities to meet the need for skilled fire forensics locally and abroad for the economic development of the country. In addition, the department managed to conduct joint research in the field of fire forensics such as Gas Chromatography-Mass Spectrometry (GC-MS) Profile of Ignitable Liquid Residue (ILR) extracted from burnt carpets: A time-dependent study; GC-MS Profile of Ignitable Liquid Residue (ILR) Extracted From Burnt Sand: A Time-Dependent Study; Detection And Recoverability of Accelerant Residues In latent Finger and Palmprints By GC-MS dan Comparison of Fingerprint Quality Recovered from Glass Fragments of Molotov Cocktail Cases.

Investigation officers also act as expert witnesses and have successfully provided expert witness testimony in court for civil and criminal cases. Evidence given was accepted and received positive reports from the courts, particularly for cases in Negeri Sembilan, Perak and Selangor.

CONCLUSION

Fire Investigation Division strives to enhance the knowledge and expertise of its officers and provide them with sophisticated equipment, so that the investigating officer of this department can achieve high standard which equal to other international fire experts.

In line with the aspiration of the department to be a high performing organization, skills of the investigating officers were enhanced by sending them for various activities such as seminars and courses held locally or abroad.

In addition, collaboration or joint research program conducted with public education institutions are capable of producing many experts in the field of fire forensic in this country in the future. Efforts and proactive steps in the investigation of fires involving major fire cases had positive impact where by the findings could then be used as lessons to the parties involved.

The credibility of the Fire Investigation Division in fire forensic has received recognitions from a number of foreign agencies. This was evident when the Fire Investigation Division has received several visits from foreign delegations such as Fiji and Maldives. Development of fire investigation was so rapid in Malaysia making us the leader and role model for other fire investigation team in Southeast Asia and Asia Pacific.

Community's understanding of fire hazards needed to be given particular attention especially in the safety and fire prevention aspects. Society should be exposed clearly about the factors that cause fire and preventive measures that can reduce the risk of fire.



BAHAGIAN UDARA

Air Division

VISI

Vision

Ke arah sebuah organisasi penyelamatan udara bertaraf dunia.

Towards a world-class air rescue organization.

MISI

Mission

Melaksanakan operasi kebompaan melalui udara secara strategik,cepat dan berkesan demi menyelamatkan nyawa,harta benda dan alam sekitar.

To implement Aerial Fire Operations in a professional and superior manner in order to save lives, property and the environment.

OBJEKTIF

Objective

Menyediakan perkhidmatan udara untuk melaksanakan misi-misi kebompaan

To provide air services in performing fire fighting missions.

PIAGAM PELANGGAN

Client Charter

Komitmen kami adalah untuk memastikan perkhidmatan udara berkaitan penyelamatan dan kebakaran dilaksanakan dengan cekap.

Our commitment is to ensure that relevant air services and fire rescue are carried out efficiently.

Dengan itu kami berjanji akan:


Therefore we pledge to:

- Menyediakan perkhidmatan udara pada sebarang masa.
- Meminimumkan kerosakan harta benda dan kemusnahan alam sekitar.
- Memberikan perkhidmatan paramedik (bantuan dan sokongan) untuk mengurangkan risiko kematian kepada mangsa
- Menyalurkan khidmat kemasyarakatan secara cekap dan profesional

- *Provide air services at any time.*
- *Minimize damages to properties and the environment.*
- *Provide paramedic services (assistance and support) to reduce death risk to victims.*
- *Channel public services in an efficient and professional manner.*


CARTA ORGANISASI BAHAGIAN UDARA

Organisation Chart of Air Division



CARTA ORGANISASI PANGKALAN UDARA JBPM SUBANG

Organization Chart of FRDM Subang Air Base



FUNGSI BAHAGIAN UDARA JBPM

Function of FRDM Air Division

PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN UDARA JBPM

CAWANGAN PENGURUSAN OPERASI UDARA

1. Mengkaji dan menilai bagi semua permohonan penggunaan pesawat.
2. Mengeluarkan arahan-arahan dan panduan pergerakan pesawat.
3. Mengkaji dan menentukan kawasan jangkauan pengoperasian pesawat dan kawasan latihan pesawat.
4. Merancang dan menentukan sistem perhubungan pesawat dan kod-kod komunikasi.
5. Menyelaraskan pengoperasian Pasukan Khas bersama pesawat.

Penyelarasan dengan agensi-agensi penguatkuasaan [DCA dan TUDM].

CAWANGAN PENGURUSAN KESELAMATAN, PIAWAIAN DAN LATIHAN

1. Mengawalselia kompetensi anakapal.
2. Mengawalselia 'airworthiness' pesawat.
3. Menentukan tahap latihan anakapal, pasukan khas dan kejuruteraan.
4. Menyediakan Peraturan Tetap Operasi bagi Operasi Pesawat dan latihan pesawat.
5. Melaksanakan naziran di Pangkalan-pangkalan Udara Bomba.
6. Penyelarasan dengan agensi-agensi penguatkuasa [DCA dan TUDM].

CAWANGAN KEJURUTERAAN PESAWAT

1. Merancang keperluan peralatan gantian pesawat.
2. Mengurus dan membuat penyelenggaraan pesawat.
 - 4.3.2 Mempertingkatkan teknologi kebombaian dan keselamatan kebakaran negara hasil daripada jaringan kerjasamad dan interaksi JBPM dengan institusi-institusi kebombaian di peringkat antarabangsa; dan
 - 4.3.3 Negara menjadi focal point dalam bidang kebombaian dan industri keselamatan kebakaran di rantau ini. Ini secara langsung akan melonjakkan peranan negara dalam perkembangan industri ini.

4 CONCLUSION

- 4.1. Overall, Planning and Research Division succeeded in achieving its planned work target.
- 4.2. In the year 2012, Planning and Research Division successfully organized IFCEM 2012. The last time FRDM organized an international level conference and exhibition was in 2004.
- 4.3. The organizing of IFCEM 2012 in several ways was a gain for the country such as:-
 - 4.3.1. Malaysia became one of the venues for the largest international level conference and exhibition. This will encourage the development of fire fighting and fire safety industry in this country.
 - 4.3.2. Improving the national technology of fire fighting and fire safety as the result of cooperation and interaction between FRDM and other international fire fighting institutions.
 - 4.3.3. The country became the focal point in the fire fighting and fire safety industry in this region. This will directly elevate the nation part in the development of the industry.



BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

*Corporate Management
Division*

VISI

Vision

Untuk menjadi penggerak kecemerlangan tadbir urus korporat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang berkesan dan dinamik.

To be the driving force of corporate governance excellence in Fire and Rescue Department of Malaysia (FRDM) effectively and dynamically.

MISI

Mission

Komited untuk menginstitusi, memperkukuhkan budaya dan sistem korporat yang dihormati melalui pengurusan data dan maklumat yang berkesan.

Committed to institute, strengthen corporate culture and system respectfully through data and information management effectively.

OBJEKTIF

Objective

Untuk memastikan semua perkara berhubung dengan pengurusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diurus dengan baik dan terancang melalui penyelarasan aktiviti-aktiviti bahagian-bahagian untuk mengekalkan persefahaman dengan pelanggan Jabatan dalam pelbagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa.

To ensure that all matters pertaining to the management of Fire and Rescue Department of Malaysia is well managed and organised through the coordination of activities from divisions. This is to keep the understanding with various field of clients at the national and international level.

PIAGAM PELANGGAN

Client Charter

Komitmen kami adalah untuk menyampaikan dan menghebahkan maklumat-maklumat lengkap berhubung dengan aktiviti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia kepada masyarakat secara berkesan dan profesional.

Dengan itu kami berjanji akan:

- Sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat perhubungan awam dengan cekap dan berkesan serta memberikan kepuasan kepada pelanggan.
- Memastikan dan menentukan aspek-aspek perhubungan awam dilaksanakan dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.
- Membantu Jabatan dalam menjaga, mengendalikan dan meningkatkan perhubungan dengan sektor awam, swasta dan dalam Jabatan sendiri.
- Memastikan proses pengendalian aduan pelanggan Jabatan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh aduan diterima.

Our commitment is to deliver and disseminate complete information relating to the activities of Fire and Rescue Department of Malaysia to the community in an effective and professional manner.

Therefore we pledge to

- *Always ready to provide public relations services efficiently and effectively, and delivering customer service satisfaction.*
- *Ensure and determine the aspects of public relations pursued with commitment and responsibility*
- *Assist the department in maintaining, operating and improving our relationship with the public sector, private sector and the department internally.*
- *Ensure handling of department's customer complaints is investigated and acted upon within a period of fourteen (14) days from the date of receipt.*

FUNGSI

Function

Bahagian Pengurusan Korporat dan Perhubungan Awam terbahagi kepada 5 unit iaitu Unit Perancangan Dasar, Unit Komunikasi Korporat, Unit Inspektorat, Unit Kebajikan Pekerja dan Unit Pengurusan Kualiti dan Inovasi.

Corporate Management and Public Relations Division is divided into five units: Policy Planning Unit, Corporate Communications Unit, Inspectorate Unit, Employee Welfare Unit and Quality Management and Innovation Unit.

Unit Perancangan Dasar

- Merancang dan mengkaji Pelan Strategik Jabatan
- Merancang ketetapan dasar sejajar dengan perundangan dan peraturan yang ada
- Menerajui, merancang dan penggubalan dasar-dasar baru berhubung dengan teras Jabatan
- Mengkaji dan menganalisa isu-isu kebombaian dan keberkesanan dasar berasaskan kepada penandaaras.
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan dalam aspek perancangan dan penggubalan dasar-dasar berhubung dengan teras Jabatan.
- Mengenalpasti dan menganalisa isu-isu semasa dalam negara dan antarabangsa yang memberi kesan kepada perkhidmatan kebombaian

Policy Planning Unit

- *Conduct Research and Plan Department's Strategic Plan*
- *Plan regularity in policies in line with the existing legal stipulations and rules.*
- *Lead, plan and formulate of new policies in relation to the department's core*
- *Review and analyze issues pertaining to fire and rescue matters and the effectiveness of policy based on the benchmark*
- *Provide advice and consultation in the planning and formulation of the department's core policies.*
- *Identify and analyze current issues in the country and internationally that affect the fire and rescue service.*

- Menilai dan menyelaraskan keberkesanan pelaksanaan program di setiap bahagian supaya sejajar dengan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Perancangan Kerja Tahunan (RKT) Jabatan / Kementerian.
- Menyelaraskan urusan parlimen di peringkat jabatan.
- Bertindak sebagai urusetia di peringkat Jabatan bagi mesyuarat-mesyuarat berkaitan dasar di peringkat Kementerian.
- *Coordinate and evaluate the effectiveness on the implementation of programmes in each divisions to correspond with the Key Performance Indicators (KPI) and Annual Work Planning of the Department / Ministry.*
- *Coordinate the parliamentary matters at the departmental level*
- *Acting as a secretariat at the Department for policy-related meetings at the ministerial level*

Unit Komunikasi Korporat

- Merancang dan mengurus secara berkala perhubungan media dan publisiti.
- Merancang, melaksana dan menganalisa program-program utama, sosial dan keagamaan Jabatan.
- Merancang peningkatan kerjasama Jabatan dalam kegiatan-kegiatan antarabangsa.
- Merancang penyertaan Jabatan dalam mesyuarat-mesyuarat dan konvensyen-konvensyen peringkat antarabangsa.
- Mengurus dan menyediakan khidmat kaunter pelanggan.
- Mengurus dan menyelaraskan perkara-perkara berkaitan dengan pengaduan awam serta menyediakan khidmat meningkatkan keberkesanan dasar / program.
- Merancang dan menguruskan protokol lawatan.
- Menguruskan penerbitan jurnal / laporan / tahunan / buletin / buku.
- Menyelaraskan maklumat-maklumat laman web Jabatan.

Unit Inspektorat

- Menganalisa pelaksanaan Akta 341 dan peraturan-peraturannya serta perundangan yang berkaitan.
- Menganalisa pematuhan terhadap dasar/arahan/garis panduan yang dikeluarkan.
- Merancang, menyasat dan menyediakan laporan mengenai sesuatu aduan.
- Menganalisa tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dan mencadangkan penambahbaikan.
- Menganalisa sistem penyampaian perkhidmatan kebombaan bagi tujuan penarafan bintang (System Star Rating).

Unit Kebajikan Pekerja

- Merancang dan menyelaraskan aktiviti Jabatan seperti berikut :
 - o Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Jabatan
 - o Persatuan Kebajikan Bomba
 - o Persatuan Suri Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat (PERISMA)
 - o Persatuan Veteran Bomba
 - o Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia

Corporate Communications Unit

- *Periodically plan and manage media relations and publicity.*
- *Plan, implement and analyze major department's programs, social and religious.*
- *Plan to improve cooperation among departments in international activities.*
- *Plan department's participation in international level meetings and conventions.*
- *Manage and provide customer service counter.*
- *Coordinate and manage matters related to public complaints and provide services to increase the effectiveness of policies / programs.*
- *Plan and manage the protocol visit.*
- *Manage publication of journals / annual reports/ bulletins / books.*
- *Coordinate information in department's website.*

Inspectorate Unit

- *Analyze the implementation of Act 341 regulations as well as relevant legislation.*
- *Analyze compliance with the policies / directives / guidelines issued.*
- *To plan, investigate and prepare a report on a complaint.*
- *Analyse the quality of the service delivery system and suggest for improvements.*
- *Analyse the fire and rescue service delivery system for the star rating (Star Rating System).*

Employee Welfare Unit

- *Plan and coordinate the activities of the Department as follows:*
 - o *Department's Welfare, Cultural and Sports Council*
 - o *Fire and Rescue Welfare's Association*
 - o *Fire and Rescue Wife's Association*
 - o *Veteran Fire and Rescue Association*
 - o *Fire and Rescue Workers' Union*

- Menganalisa keperluan persatuan dan kesatuan.
- Menjadi urusetia kepada semua persatuan dan kesatuan.
- Menguruskan mesyuarat-mesyuarat berkala.
- Urusetia Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Unit Pengurusan Kualiti Dan Inovasi

- Merancang dan menyediakan dasar dan objektif kualiti JBPM yang terkini.
- Merancang dan mengurus :
 - o Jawatankuasa Pemandu Inovasi Jabatan.
 - o Jawatankuasa Pemandu Kualiti Jabatan.
 - o Jawatankuasa Pemandu KPI Jabatan
- Merancang dan menyelaras pelaksanaan dokumentasi MS ISO 9001:2008 JBPM yang terkini.
- Merancang dan mengurus pengauditan dalaman MS ISO JBPM.
- Merancang dan menguruskan program-program penambahbaikan Sistem Kualiti JBPM.
- Menganalisa pelaksanaan program inovasi sebagai wacana terkini
- meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.


- *Analyse the needs of union and associations.*
- *To act as secretariat to the union and associations.*
- *Manage the periodical meetings.*
- *Secretariat for events with the department.*

Quality Management and Innovation Unit

- *Plan and provide latest policy and quality objectives of FRDM.*
- *Plan and manage:*
 - o *Steering Committee on Department's Innovation*
 - o *Steering Committee on Department's Quality*
 - o *Steering Committee on Department's KPI*
- *Plan and coordinate the implementation of latest FRDM MS ISO 9001:2008 documentation.*
- *Manage and plan FRDM MS ISO internal audit.*
- *Manage and plan FRDM Quality System improvement programmes.*
- *Analyze the implementation of innovation as the latest discourse*
- *improve the efficiency of government service delivery.*

**CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Organisation Chart of Corporate Management Division
Fire and Rescue Department of Malaysia



ADUAN AWAM

Public Complaint

1.1 Sumber Pengaduan

Aduan yang diterima oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

1.1.1 Aduan Bertulis

1.1.1.1 Akhbar

Aduan atau sebarang pertanyaan yang diperolehi mengenai Jabatan yang melalui media cetak seperti Berita Harian, New Straits Times (NSTP), Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan dan sebagainya.

1.1.1.2 Surat dari agensi lain

Surat pengaduan atau pertanyaan oleh pelanggan yang diterima melalui agensi perkhidmatan awam lain seperti Biro Pengaduan Aduan (BPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan KPKT.

1.1.1.3 Surat dengan nama & alamat

Surat yang dihantar terus kepada jabatan yang mempunyai butiran lengkap untuk dihubungi bagi memaklumkan sebarang maklumbalas.

1.1.1.4 Surat tanpa nama dan alamat

Surat yang dihantar kepada jabatan mengenai sebarang pengaduan atau pertanyaan mengenai jabatan, dan diklasifikasikan sebagai surat layang. Kaedah penyiasatannya tetap sama tetapi keputusan terhadap hasil siasatan hanya disimpan sebagai rekod

1.1.2 Aduan melalui website/emel

Aduan melalui website/emel adalah aduan yang diterima melalui Website Jabatan iaitu <http://www.bomba.gov.my> atau daripada alamat emel Bahagian Pengurusan Korporat iaitu korporat@bomba.gov.my. Jumlah aduan yang diterima sepanjang 2012 adalah sebanyak 136 kes.

1.1 Source of complaints

Complaints received by FRDM were divided into three (3) categories:

1.1.1 Written complaints

1.1.1.1 Newspaper

Complaints or queries regarding the Department through print media such as Berita Harian, New Straits Times (NSTP), Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan and so on.

1.1.1.2 Letters from other agencies

Letter of complaint or inquiry by customers received through the other public agencies such as the Public Complaints Bureau (BPA), the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and KPKT.

1.1.1.3 Letters with name & address

Letters sent directly to the department with complete details of complaint to facilitate investigation and full return address for feedback.

1.1.1.4 Anonymous letter

Letters sent to the department about any complaints or queries about the department, and classified as a poison pen letter. Methods of investigation remain the same but the results of the outcome of the investigation were kept as records.

1.1.2 Complaints through website/e-mail

Complaint through the website/e-mail were complaints received through the Department Website which is <http://www.bomba.gov.my> or through corporate e-mail Corporate Management Division which is korporat@bomba.gov.my. Total number of complaints received in 2012 were 136 cases.

1.1.3 Aduan melalui panggilan telefon / talian bebas tol

Aduan yang diterima dari orang ramai melalui panggilan telefon/talian bebas tol ke Pegawai Perhubungan Awam dan akan disiasat berpandukan maklumat yang diperolehi mengikut prosedur yang ditetapkan. Jumlah aduan melalui telefon yang diterima oleh jabatan ialah sebanyak 6 kes

1.1.3 Complaint through Telephone/ Toll free line

Complaint received through Telephone/ Toll free line to the Public Complaints Bureau will be investigated based on the information obtained according to determined procedures. Total complaints received were 6 cases.


PENEMUAN ADUAN JBPM 2012
Discovery of FRDM Complaints 2012

2.1 Kategori Pengaduan

RAJAH 1 [Carta yang menunjukkan sumber pengaduan yang dikendalikan oleh Bahagian Korporat sepanjang Tahun 2012]

2.1 Complaint Categories

Chart 1 [Source of complaints handled by Corporate Division in 2012]




Rajah 1 dan menunjukkan sumber aduan yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Korporat sepanjang tahun 2012. Rajah tersebut menunjukkan jumlah aduan melalui Website/Emel mencatatkan sebanyak 136 kes, manakala aduan bertulis pula mencatatkan sebanyak 29 kes dan aduan melalui telefon mencatatkan sebanyak 6 kes.

Chart 1 showed the sources of complaints handled by Corporate Management Division in 2012. The chart showed 136 cases of Website/e-mail complaints, 29 cases of written complaint and 6 cases of Telephone complaint.

2.1.1 Sumber Aduan Bertulis

2.1.1 Source of written complaint



Carta di atas menunjukkan jumlah keseluruhan aduan bertulis yang diterima oleh jabatan adalah sebanyak 29 kes, iaitu aduan melalui akhbar dan surat lengkap masing-masing mencatatkan sebanyak 11 kes, manakala surat dari agensi lain adalah sebanyak 4 kes dan surat tidak lengkap mencatatkan 3 kes. Hampir keseluruhan aduan yang diterima melalui akhbar memaparkan ketidakpuasan perkhidmatan yang ditawarkan selain kerosakan pili bomba yang tiada pemantauan oleh jabatan.

Chart above showed sources of all of written complaints received by the department which were 29 cases, which was 11 cases for complete letters, 11 cases from newspaper and 4 cases form letters from other agencies and 3 cases of Anonymous letters. Almost all of the complaints were about dissatisfactions over the service rendered besides damages to fire hydrant which was without monitoring by the department.



2.2 Sumber Aduan yang dikendalikan mengikut JBPM Negeri-Negeri/Ibu pejabat

2.2 Sources of complaints handled according to State FRDM/Headquarters

Negeri State	Aduan Bertulis Written Complaints				Aduan Melalui Website / Emel Website/ e-mail complaints	Aduan Melalui Telefon Telephone complaint	Jumlah Total
	Akhbar Newspaper	Surat Dari Agensi Lain Letters from other agencies	Surat Lengkap Complete letters	Surat Tak Lengkap Anonymous letter			
Perlis	0	0	0	0	2	0	2
Kedah	0	0	0	0	6	0	6
Pulau Pinang	0	0	0	0	10	0	10
Perak	0	0	0	0	3	0	3
Selangor	3	2	3	2	37	2	49
Kuala Lumpur	1	0	0	0	24	2	27
N. Sembilan	1	0	0	0	4	0	5
Melaka	1	0	0	0	2	0	3
Johor	0	2	0	0	11	0	13
Pahang	0	0	0	0	3	0	3
Terengganu	0	0	0	0	0	0	0
Kelantan	0	0	0	0	3	0	3
Sabah	0	0	0	0	3	0	3
Sarawak	0	0	0	0	3	0	3
Labuan	0	0	0	0	1	0	1
Putrajaya	0	0	0	0	2	0	2
Bahagian-Bahagian Ibu Pejabat JBPM Head quarters	5	0	0	9	22	2	38
JUMLAH / Total	11	4	3	11	136	6	171

Jadual tersebut menunjukkan jumlah aduan yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Korporat telah disiasat oleh Bahagian-Bahagian dan JBPM Negeri sepanjang tahun 2012. Negeri Selangor mencatatkan kes tertinggi iaitu 49 kes, Bahagian-Bahagian Ibu Pejabat JBPM 38 kes, Kuala Lumpur 27 kes, Johor 13 kes, Pulau Pinang 10 kes, diikuti Negeri Kedah dengan 6 kes, Negeri Sembilan 5 kes, Kelantan, Sabah, Sarawak Pahang dan Melaka 3 kes, Putrajaya dan Perlis dengan 2 kes serta Labuan 1 kes. Manakala Terengganu tidak mencatatkan sebarang aduan yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Korporat.


Table above indicated the total complaints handled by Corporate Management Division and investigated by Divisions and State FRDM in the year 2012. Selangor recorded the highest cases which was 49 cases. Other HQ Divisions with 38 cases, Kuala Lumpur with 27 cases, Johor 13 cases, Pulau Pinang 10 cases, followed by Kedah with 6 cases, N. Sembilan 5 kes, Kelantan, Sabah, Sarawak Pahang and Melaka 3 cases, Putrajaya and Perlis with 2 cases and Labuan 1 case While Terengganu did not register any complaints handled by Corporate Management Division.

ANALISA ADUAN YANG DITERIMA

Complaints Received Analysis


Daripada sejumlah 171 aduan yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Korporat, diadapati bahawa sejumlah aduan yang berasas adalah sebanyak 101 kes manakala 70 kes adalah tidak berasas. Antara punca didapati aduan tidak berasas adalah disebabkan oleh salah faham berhubung prosedur, undang-undang dan bidang kuasa jabatan serta juga perselisihan faham oleh pengadu.

From the total of 171 cases received by Corporate Management Division, it found that founded cases were 101 cases while unfounded one were 70 cases. Some of the complaints were unfounded due to miscommunication regarding procedure, law and jurisdiction of the department and misunderstanding by clients.



3.1 Perbandingan Aduan Yang Diterima Mengikut Tahun

3.1 Comparison of complaints received according to year.



Carta bar di atas menunjukkan jumlah aduan yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Korporat dari tahun 2009 hingga tahun 2012. Daripada carta ini menunjukkan bahawa aduan yang diterima meningkat setiap tahun dimana pada tahun 2010 mencatatkan peningkatan sebanyak 33% berbanding tahun 2009 iaitu hanya mencatatkan 81 aduan yang diterima, manakala pada tahun 2011 pula jumlah aduan hanya mencatatkan peningkatan 2% dan seterusnya mencatatkan peningkatan tertinggi pada tahun 2012 iaitu 55%. Antara punca peningkatan aduan yang diterima oleh jabatan adalah:-

- i. Dasar keterbukaan dan ketelusan pihak jabatan terhadap konsep "Aduan Sebagai Pemangkin Kualiti Penyampaian Perkhidmatan".
- ii. Kepercayaan yang diberikan oleh orang awam berkenaan tindakan yang diambil oleh jabatan.
- iii. Peningkatan kesedaran orang awam terhadap langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil perhatian.

Bar chart above indicated the total complaints received by Corporate Management Division from 2009 to 2012. From the chart it was indicated that number of complaints increased in 2010 recorded 33% compared with 2009 which recorded only 81 cases received, while in 2011 total complaints recorded and raised of 2% and furthermore recorded the highest raised at 55%. Some of the reason of the raising number of complaints received by the department:

- i. Openness and transparent policy of the department towards the concept of Complaints as catalyst for quality service delivery.*
- ii. Confidence given by the public on the action taken by the department.*
- iii. Rising awareness of the public towards safety procedures that should be given attention.*

PROGRAM NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7: MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN 2012

*National Blue Ocean Strategy 7: My Beautiful Neighbourhood Programme 2012
Ministry of Housing and Local Government*

1. PENDAHULUAN

Mesyuarat National Blue Ocean Strategy SUMMIT yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan pada 22 Jun 2012 di mana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan National Blue Ocean Strategy 7: Neighbourhood Improvement. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk KSU KPKT telah mengadakan satu mesyuarat penyelarasan dalam kementerian pada 9 Julai 2012 bertujuan penglibatan setiap jabatan bagi mewujudkan sesuatu kejiranan yang selaras dengan tajuk NBOS 7 KPKT "My Beautiful Neighbourhood". Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah dilantik sebagai urusetia untuk melaksanakan program National Blue Ocean Strategy (NBOS).

Program NBOS 7 ini adalah memfokuskan kepada beberapa perkara utama antaranya ialah:

- a) Hasilnya memberi impak yang tinggi;
- b) Kolaborasi antara jabatan atau agensi lain;
- c) Mengurangkan kos atau memerlukan kos yang minimum; dan
- d) Melaksanakan dengan segera.

1. INTRODUCTION

National Blue Ocean Strategy SUMMIT meeting chaired by YAB Prime Minister was conducted on 22 June 2012 whereby KPKT was entrusted with the implementation of National Blue Ocean Strategy 7: Neighbourhood Improvement. Ybhg. Secretary General conducted a coordination meeting with the Ministry on 9 July 2012 for the purposed of create a neighbourhood inlined with the theme of NBOS7 KPKT "My Beautiful Neighbourhood". Department of Urban and rural planning was selected as secretariat for the implementation of National Blue Ocean Strategy (NBOS) programme.

NBOS 7 Programme focused on several main items, such as:

- a) High impact results*
- b) Collaboration between departments or other agencies.*
- c) Reduced cost or minimum cost.*
- d) Immediate implementation.*

2. BIDANG TUGAS JBPM

JBPM telah diminta untuk melaksanakan 5 projek pembinaan semula rumah terbakar iaitu di Selangor, Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan Terengganu bagi tahun 2012. Pembinaan semula rumah di tapak asal yang dimiliki oleh peserta (mangsa) yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh jabatan. Kerja-kerja pembinaan semula rumah akan dilaksanakan oleh anggota bomba yang berkemahiran di peringkat negeri masing-masing. Tempoh masa pembinaan akan mengambil masa antara 4 hingga 5 minggu.

2. FRDM JOB SCOPE

FRDM was tasked with implementing 5 reconstructing project for burnt down houses in Selangor, Perak, Kedah, Negeri Sembilan and Terengganu for the year 2012. Re-construction of the houses on the original site owned by the victims was chosen based on the criteria set by the department. Construction work were conducted by skilled fire fighter at state level within 4 to 5 weeks.

3. PROJEK PEMBINAAN RUMAH TAHUN 2012 / HOUSE BUILDING PROJECT FOR THE YEAR 2012

3.1. Projek di Negeri Selangor / *Project in Selangor*

3.1.1. Nama Projek / *Name of Project*

Nama Projek <i>Name of Project</i>	Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood <i>Rebuilding of burnt houses NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood Programme</i>
Alamat <i>Address</i>	Lot.3792,Jalan Rizab Derahman Kampung Bukit Cerakah, 45800 Jeram,Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

3.1.2. Butiran Peserta / *Particulars of participants*

Nama Peserta / <i>Name</i>	Encik Jailani Bin Muaalim (89)
No. Kad Pengenalan / <i>IC Number</i>	231026-10-5125
Pekerjaan / <i>Occupation</i>	Tidak Bekerja / <i>Jobless</i>
Tarikh Kebakaran / <i>Date of fire</i>	15 Julai 2012 / <i>15 July 2012</i>

3.1.3. Maklumat Projek / *Project details*

Tarikh Mula Projek / <i>Commencement date</i>	18 September 2012
Tarikh Siap Projek / <i>Completion date</i>	20 Oktober 2012 / <i>20 October 2012</i>
Kos Binaan / <i>Construction cost</i>	RM 40,000
Kos Dalaman / <i>Internal cost</i>	RM 10,000
Ciri/ Keluasan / <i>Spec/size</i>	20 ' x 30' (3 bilik tidur) / <i>(3 bedrooms)</i>

3.1.5. Gambar Rumah / *Image of the house*



3.1.4. Lain-lain Butiran / *Other details*

Sumber Peruntukan <i>Allocation</i>	Dato' Shaari Mat Jihin ASA NIAGA SDN.BHD.
Tarikh Majlis Penyerahan Kunci Rumah <i>Date of handing over of house keys</i>	17 November 2012
Disempurnakan Oleh <i>Officiated by</i>	Y.Bhg Dato' Seri Dr.Ali Hamsa Ketua Setiausaha Negara(KSN)



3.2. Projek di Negeri Perak / *Project in Perak*

3.2.1. Nama Projek / *Name of Project*

Nama Projek <i>Name of Project</i>	Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood <i>Rebuilding of burnt houses NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood Programme</i>
Alamat <i>Address</i>	KM 14, Jalan Melati, Kampung Tanjung Medan, Layang-Layang Kiri, 32800 Parit, Perak

3.2.2. Butiran Peserta / *Particulars of participants*

Nama Peserta / <i>Name</i>	Mohamad Norhariri Bin Hasan (OKU)
No. Kad Pengenalan / <i>IC Number</i>	601215-08-5261 (52 Tahun)
Pekerjaan / <i>Occupation</i>	Menjual sayur-sayuran kampung / <i>Vegetable seller</i>
Tarikh Kebakaran / <i>Date of fire</i>	12.07.2012

3.2.3. Maklumat Projek / *Project details*

Tarikh Mula Projek / <i>Commencement date</i>	20 September 2012
Tarikh Siap Projek / <i>Completion date</i>	25 Oktober 2012 / <i>25 October 2012</i>
Kos Binaan / <i>Construction cost</i>	RM28,500.00
Kos Dalaman / <i>Internal cost</i>	RM5000.00
Ciri/ Keluasan / <i>Spec/size</i>	20 m x 30 m (2 bilik tidur) / <i>(2 bedrooms)</i>

3.2.4. Lain-lain Butiran / *Other details*

Sumber Peruntukan <i>Allocation</i>	Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak Darul Ridzuan
Tarikh Majlis Penyerahan Kunci Rumah <i>Date of handing over of house keys</i>	24 November 2012
Disempurnakan Oleh <i>Officiated by</i>	YBhg. Datuk Arpah Binti Abdul Razak Ketua Setiausaha KPKT

3.2.5. Gambar Rumah / *Image of the house*



3.3. Projek di Negeri Kedah / *Project in Kedah*

3.3.1. Nama Projek / *Name of Project*

Nama Projek <i>Name of Project</i>	Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood <i>Rebuilding of burnt houses NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood Programme</i>
Alamat <i>Address</i>	No. 36A, Kampung Masjid Lama, Mukim Lepai, Langgar, Alor Setar, Kedah

3.3.2. Butiran Peserta / *Particulars of participants*

Nama Peserta / <i>Name</i>	En. Ibrahim bin Hashim
No. Kad Pengenalan / <i>IC Number</i>	330415-02-5181
Pekerjaan / <i>Occupation</i>	Pesara Tukang Kebun / <i>Pensioner gardener</i>
Tarikh Kebakaran / <i>Date of fire</i>	16.3.2012

3.3.3. Maklumat Projek / *Project details*

Tarikh Mula Projek / <i>Commencement date</i>	8.10.2012
Tarikh Siap Projek / <i>Completion date</i>	5.12.2012
Kos Binaan / <i>Construction cost</i>	39,900.00
Kos Dalaman / <i>Internal cost</i>	-
Ciri/ Keluasan / <i>Spec/size</i>	30' x 20'

3.3.4. Lain-lain Butiran / *Other details*

Sumber Peruntukan <i>Allocation</i>	Peruntukan dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) <i>Allocation from KKLW</i>
Tarikh Majlis Penyerahan Kunci Rumah <i>Date of handing over of house keys</i>	23.12.2012
Disempurnakan Oleh <i>Officiated by</i>	YB. Dato' Seri Chor Chee Heung

3.3.5. Gambar Rumah / *Image of the house*



3.4. Projek di Negeri Sembilan / *Project in Negeri Sembilan*

3.4.1. Nama Projek / *Name of Project*

Nama Projek <i>Name of Project</i>	Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Program NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood <i>Rebuilding of burnt houses NBOS 7: My Beautiful Neighbourhood Programme</i>
Alamat <i>Address</i>	Kg. Gedok Sawah, 73200, Gemencheh, Negeri Sembilan

3.4.2. Butiran Peserta / *Particulars of participants*

Nama Peserta / <i>Name</i>	Puan Norlia binti Jaudin
No. Kad Pengenalan / <i>IC Number</i>	650504-05-5094
Pekerjaan / <i>Occupation</i>	Pekerja Kilang di Heavea Board Sdn Bhd Gemas, Negeri Sembilan <i>Factory worker at Heavea Board Sdn Bhd Gemas, Negeri Sembilan</i>
Tarikh Kebakaran / <i>Date of fire</i>	01 Februari 2012 / <i>01 February 2012</i>

3.4.3. Maklumat Projek / *Project details*

Tarikh Mula Projek / <i>Commencement date</i>	03 September 2013
Tarikh Siap Projek / <i>Completion date</i>	15 Oktober 2012 / <i>15 October 2012</i>
Kos Binaan / <i>Construction cost</i>	RM 40,000.00
Kos Dalaman / <i>Internal cost</i>	-
Ciri/ Keluasan / <i>Spec/size</i>	20 kaki x 40 kaki / <i>20 feet x 40 feet</i>

3.4.4. Lain-lain Butiran / *Other details*

Sumber Peruntukan <i>Allocation</i>	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah <i>Allocation from KKLW</i>
Tarikh Majlis Penyerahan Kunci Rumah <i>Date of handing over of house keys</i>	21 Disember 2012 <i>21 December 2012</i>
Disempurnakan Oleh <i>Officiated by</i>	YB Dato' Haji Mohd Kamil bin Abd Aziz ADUN Kawasan Gemencheh

3.4.5. Gambar Rumah / *Image of the house*



3.5. Projek di Negeri Terengganu / *Project in Terengganu*3.5.1. Nama Projek / *Name of Project*

Nama Projek <i>Name of Project</i>	Pembinaan Semula Rumah Terbakar JBPM Terengganu <i>Rebuilding of burnt houses FRDM Terengganu</i>
Alamat <i>Address</i>	No 1241, Lorong 14, Kampung Besut, Kemaman, Terengganu Darul Iman

3.5.2. Butiran Peserta / *Particulars of participants*

Nama Peserta / <i>Name</i>	Ngah @ Choh bin Mohamed
No. Kad Pengenalan / <i>IC Number</i>	0653268
Pekerjaan / <i>Occupation</i>	Mekanik Bengkel / <i>Workshop Mechanic</i>
Tarikh Kebakaran / <i>Date of fire</i>	30 Julai 2012 / <i>30 July 2012</i>

3.5.3. Maklumat Projek / *Project details*

Tarikh Mula Projek / <i>Commencement date</i>	13 Ogos 2012
Tarikh Siap Projek / <i>Completion date</i>	1 November 2012
Kos Binaan / <i>Construction cost</i>	RM 33,000.00
Kos Dalaman / <i>Internal cost</i>	-
Ciri/ Keluasan / <i>Spec/size</i>	24 kaki X 32 kaki / <i>24 feet X 32 feet</i> 3 bilik, 1 bilik air dengan keseluruhan rumah menggunakan kemasam tile <i>3 rooms, 1 bathroom . Tiled from front to back</i>

3.5.4. Lain-lain Butiran / *Other details*

Sumber Peruntukan <i>Allocation</i>	Sumbangan balai-balai bomba JBPM Terengganu, Pejabat Daerah Kemaman dan orang persendirian / <i>Allocation from Terengganu FRDM Fire and rescue stations, Kemaman District Office and individual donations</i>
Tarikh Majlis Penyerahan Kunci Rumah <i>Date of handing over of house keys</i>	22 November 2012
Disempurnakan Oleh <i>Officiated by</i>	Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, D.P.M.T., D.I.M.P., S.A.P., A.M.P. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan Dan Koperasi Negeri merangkap ADUN Chukai / <i>Chairman of the state Rural development, Entrepreneur and cooperation Committee and also as ADUN of Chukai</i>

3.5.5. Gambar Rumah / *Image of the house***PENUTUP**

Semua 5 projek pembinaan semula rumah terbakar telah dapat dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama semua merangkumi agensi kerajaan dan swasta. Kerjasama seperti inilah yang menjadi salah satu objektif utama program NBOS 7 ataupun sekarang dikenali sebagai STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN. Program tersebut masih diteruskan bagi tahun 2013.

CONCLUSION

All 5 reconstruction burnt houses projects were successfully conducted with the cooperation of other government agencies and private. This type of cooperation was the main objective of NBOS 7 or currently known as National Blue Ocean Strategy. The programme is currently running in the year 2013.



BAHAGIAN PENGURUSAN

Management Division

VISI

Vision

Menyediakan perkhidmatan strategik demi membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.

To prepare strategic services in order to assist Fire and Rescue Department of Malaysia in becoming an international fire and rescue organisation.

MISI

Mission

Pengurusan perkhidmatan sokongan yang komited dalam menyumbang ke arah perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional dengan menggunakan sumber dan teknologi terkini secara berkesan.

Committed in management of support services as to contribute towards professional fire and rescue services by utilising current technology and resources effectively.

OBJEKTIF

Objective

Sistem penyampaian perkhidmatan sokongan berprinsipkan kompetensi, integriti dan akauntabiliti dalam mentadbir aktiviti-aktiviti kewangan, pentadbiran, sumber manusia dan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan.

Support services delivery system with principles of competency, integrity and accountability in managing financial, management, human resources and information technology activities with effective and efficient.

PIAGAM PELANGGAN

Client Charter

Komitmen kami adalah untuk memastikan :

Pengurusan perkhidmatan sokongan diuruskan secara efektif dan efisien ke arah penyampaian perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan yang melebihi ekpektasi pelanggan dan stakeholder.

Dengan itu kami berjanji akan :

- Memohon pengisian kepada pihak Berkuasa Melantik sebulan sebelum tarikh pengambilan yang ditetapkan oleh SPA;
- Memohon pengisian kepada Ketua Perkhidmatan lain dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kekosongan;
- Memproses semua urusan perkhidmatan untuk kelulusan dalaman bagi setiap kakitangan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- Menguruskan pemangku / kenaikan pangkat bagi jawatan tertutup dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan kekosongan jawatan;
- Memastikan pegawai menjalani latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun;
- Mengemukakan laporan perkhidmatan kaunseling kepada Ketua Jabatan / Penyelia dalam masa 119 hari bekerja bagi pegawai berprestasi rendah dan bermasalah;
- Menguruskan bayaran bil kepada pembekal dalam masa 10 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap;
- Mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) dalam masa tiga (3) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- Membuat pendaftaran aset alih dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan ke dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA);
- Memberi maklum balas awal terhadap aduan kerosakan bangunan dan peralatan pejabat dalam tempoh tiga (3) jam;
- Membangunkan sistem aplikasi dalaman (in-house) termasuk dokumentasi dan latihan bagi setiap sistem aplikasi dalam tempoh yang dipersetujui bersama pelanggan;
- Menyelesaikan gangguan capaian rangkaian Ibu Pejabat dan perkhidmatan laman web rasmi jabatan (masalah yang tidak melibatkan kerosakan perkakasan) dalam tempoh tiga (3) jam waktu bekerja manakala masalah perkakasan / perisian ICT yang dihadapi (tanpa melibatkan vendor) dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

Our commitment is to ensure :


Management of support services with efficiently and effectively towards delivery of fire and rescue services above expectation of customer and shareholder.

Therefore we pledge to :

- *Request designation to the appointment authority body one month before recruitment date as determined by SPA;*
- *Request designation to other Head of Services within seven (7) days from the date of vacancy;*
- *Process all service matters pertaining to every employees for internal approval within seven (7) days from receiving complete application;*
- *Manage appointment/promotion for the closed posts within six (6) months from the advertisement date of vacancy;*
- *Ensure trainings to be attended by officers at least seven (7) days a year;*
- *Present counseling services report to Head of Department/ supervisor within 119 working days of problematic and low performing officers.*
- *Arrange bill payments to supplier within 10 days of date of receipt of complete documentation.*
- *Produce Local order(LO) within 3 working days of date of receipt of complete application.*
- *Register movable assets within 2 weeks from date confirmation of acceptance in to the Sistem Pengurusan Aset(SPA)*
- *Provide early feedback on building and office equipments damages reports within 3 hours.*
- *Develop in-house application including documentation training for each system application within the period agreed by the user.*
- *Solving HQ network access disruption and the departments' official website problem (problem involving 3 items) within 3 working hours while ICT hardware/software(not involving vendor) within 5 working days.*

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PENGURUSAN

Organisation Chart of Management Division



PETUNJUK / Legend

- Bilangan Jawatan Diluluskan Dalam Waran Perjawatan 2009
Number of Approved Posts in Employment Warrant 2009
- Bilangan Jawatan Diisi / Number of Filled Posts
- Bilangan Jawatan Yang Masih Kosong
Number of Vacancies

CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Human Resources Management Branch



OBJEKTIF

Objective

Memberikan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan melalui pembentukan struktur perjawatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang optima, pelaksanaan pengurusan personel yang cekap dan teratur, pengurusan prestasi dan tatatertib yang efisien dan menyediakan peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kemajuan kerjaya melalui latihan komprehensif demi:

- Melahirkan sumber manusia yang kompeten, berintegriti dan akauntabiliti
- Menyediakan piawaian prestasi yang mantap
- Mengadakan Sistem Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Penilaian Prestasi dan Key Performance Indicator (KPI)
- Mengadakan sistem pengurusan pengetahuan
- Menyelaras Program Latihan kepada pegawai gunasama dengan agensi-agensi yang berkaitan
- Merancang pembangunan kerjaya pegawai bomba dan pegawai gunasama

Provide efficient and effective support services through the establishment of an optimal personnel structure, implementation of an efficient personnel management, efficient performance and discipline management and provide opportunities for officers and staff to enhance their knowledge, skills and career development through comprehensive training in order to:

- *produce competent human resources with integrity and accountability*
- *Providing an established performance standards*
- *Provide the Annual Work Target System (SKT), Performance Assessment and Key Performance Indicator (KPI)*
- *provide a knowledge management system*
- *coordinate Training Program for common-user officers with the relevant agencies*
- *Plan the career development of Fire and common-user officers.*

FUNGSI BAHAGIAN

Function of Division

Cawangan Sumber Manusia

Merancang, membangun, mengurus dan memantau :

- Perancangan Strategik Sumber Manusia
- Pengambilan
- Penempatan dan Pertukaran
- Urusan perkhidmatan
- Kenaikan Pangkat
- Latihan
- Pembangunan Kompetensi
- Pengurusan Prestasi dan Tatatertib
- Pelaksanaan HRMIS
- Program Pengiktirafan & Penghargaan
- Pengurusan Perkhidmatan Psikologi

Human Resources Branch

Plan, develop, manage and monitor:

- *Strategic Planning of Human Resources*
- *Recruitment*
- *Placement and transfer*
- *Services matter*
- *Promotions*
- *Training*
- *Competency Development*
- *Disciplinary and Performance management*
- *HRMIS Implementation*
- *Appreciation and recognition program*
- *Psychology services management*

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Sepanjang tahun 2012, urusan kenaikan pangkat telah dijalankan sepanjang tahun melibatkan semua lapisan gred pegawai daripada kumpulan pengurusan tertinggi hinggalah ke kumpulan sokongan.

Bagi kumpulan pengurusan tertinggi dan kumpulan pengurusan dan profesional yang melibatkan gred KB44 hingga JUSA A, sebanyak 3 urusan pemangkuan dan 3 urusan kenaikan pangkat melibatkan 152 orang pegawai JBPM telah selesai dilaksanakan berbanding dengan tahun 2011 dimana sebanyak 1 urusan pemangkuan dan 4 urusan kenaikan pangkat melibatkan 85 orang pegawai JBPM telah selesai dilaksanakan

DEVELOPMENT OF ORGANISATION

In 2012, promotion exercises were conducted involving all level of grades from top management to support group.

Highest management and management and professional group involving KB44 to JUSA A group, 3 exercises on acting and 3 exercises of promotions involving 152 officers of FRDM were completed, compared 1 acting and 4 promotions involving 85 officers in 2011.

BIL Nos	JAWATAN / GRED Position/Grade	URUSAN (KUMP. PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) Management and Professional					
		PEMANGKUAN Acting			KENAIKAN PANGKAT Promotions		
		Bil. Urusan No. Of exercise	Status Status	Jawatan Position	Bil. Urusan No. Of exercise	Status Status	Jawatan Position
1.	Dato' Wan Mohd Nor Bin Ibrahim, Ketua Pengaroh JBPM <i>Dato' Wan Mohd Nor Bin Ibrahim, FRDM DG</i>				1	Kenaikan pangkat dari gred utama 'C' ke gred utama 'A' <i>Promotion from premier grade "C" to premier grade 'A'</i>	1
2.	Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengaroh Operasi <i>Dato' Soiman bin Jahid, Assistant Director General Operations</i>				1	Kenaikan pangkat dari gred KB54 ke gred utama 'C' <i>Promotion from grade 54 to premier grade 'C'</i>	1
3.	Penguasa Bomba / KB54 <i>Fire Superintendent / KB54</i>	1	Temuduga pada 10.01.2013 <i>Interview on 10.01.2013</i>	1		-	-
4.	Penguasa Bomba / KB48 <i>Fire Superintendent / KB48</i>	1	Arahan pemangkuan mulai 03.12.2012 <i>Acting directives beginning 03.12.2012</i>	36	1	Kertas Pertimbangan LKP dalam semakan KPKT LKP <i>Consideration paper in review of KPKT</i>	47
5.	Penguasa Bomba / KB44 <i>Fire Superintendent / KB44</i>	1	Arahan pemangkuan mula 15.01.2013 <i>Acting directives beginning 15.01.2013</i>	66			
		3		103	3		49

Bagi kumpulan sokongan, sebanyak 4 urusan pemangkuan dan 10 urusan kenaikan pangkat melibatkan 685 orang pegawai dan 10 urusan kenaikan pangkat melibatkan 559 orang pegawai telah dilaksanakan. Ini merupakan peningkatan berbanding dengan 3 urusan pemangkuan dan 9 urusan kenaikan pangkat melibatkan 685 orang pegawai dan 10 urusan kenaikan pangkat melibatkan 1,099 orang pegawai.

Semua urusan kenaikan pangkat ini dibuat berasaskan merit dengan mengambilkira prestasi, kelayakan akademik dan pengetahuan, peribadi, kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada Jabatan. Semua urusan ini dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan. Statistik pelaksanaan adalah seperti dibawah.

The support group, 4 acting and 10 promotion exercises involving 685 officers and 10 promotion exercises involving 559 officers were conducted. This was an increase with 3 acting and 9 promotion exercises involving 685 officers and 10 promotion exercises involving 1,099 officers.

All the promotion exercises were based on merit with consideration of performance, academic qualification and knowledge, personality, extra curricular activities and contribution to the Department. The exercises were for filling of vacancies. Implementation statistics were as below:

BIL Nos	JAWATAN / GRED Position / Grade	URUSAN (KUMPULAN SOKONGAN) / Support group					
		PEMANGKUAN / Acting			KENAIKAN PANGKAT / Promotions		
		Bil. Urusan No. Of exercise	Status Status	Pegawai Officer	Bil. Urusan No. Of exercise	Status Status	Pegawai Officer
1.	Pegawai Bomba / KB22 <i>Fire officer / KB22</i>	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.10.2012 (arahan memangku mulai 03.12.2012) <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012 [Acting directive beginning 03.12.2012]</i>	371	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.02.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012</i>	214
					1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.10.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012</i>	2
2.	Pegawai Bomba / KB24 <i>Fire officer / KB24</i>	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 06.04.2012 (arahan memangku mulai 03.12.2012) <i>LKP Meeting on 06.04.2012 [Acting directive beginning 03.12.2012]</i>	149	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.02.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012</i>	154
					1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.10.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012</i>	6
3.	Pegawai Bomba / KB26 <i>Fire officer / KB26</i>	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.02.2012 (arahan memangku mulai 02.05.2012) <i>LKP Meeting on 17.02.2012 [Acting directive beginning 02.05.2012]</i>	73	-	-	-
4.	Penolong Penguasa Bomba / KB32 <i>Assistant Fire Superintendent / KB32</i>	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.10.2012 (arahan memangku mulai 03.12.2012) <i>LKP Meeting on 17.02.2012 [Acting directive beginning 03.12.2012]</i>	92	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.02.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.02.2012</i>	1
					1	Mesyuarat LKP JBPM pada 06.04.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 06.04.2012</i>	1
					1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.10.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012</i>	120
5.	Penolong Penguasa Bomba / KB38 <i>Assistant Fire Superintendent / KB38</i>	-	-	-	1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.02.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.02.2012</i>	42
					1	Mesyuarat LKP JBPM pada 06.04.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 06.04.2012</i>	1
					1	Mesyuarat LKP JBPM pada 17.10.2012 <i>FRDM LKP Meeting on 17.10.2012</i>	18
		4		685	10		559

Sebagai sebahagian daripada usaha peningkatan kesedaran dan penyelarasan, Bengkel Pengukuhan Pengurusan Tatatertib dan Naik Pangkat telah diadakan di Langkawi pada 22 - 24 Oktober 2012 melibatkan 44 orang desk officer tatatertib dari seluruh negara. Peserta telah didedahkan dengan penyediaan dokumen-dokumen naik pangkat dan dokumen sokongan yang diperlukan bagi melicinkan urusan kenaikan pangkat di JBPM.

PRESTASI

Usaha untuk menambahbaik prestasi pegawai dalam Jabatan dimulakan dengan memperkenalkan inovasi Sijil Perkhidmatan Terpuji (SPT). Sijil ini diberikan kepada pegawai-pegawai yang difikirkan layak untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tetapi terpaksa diketepikan kerana kekangan kuota. Seramai 318 orang pegawai dari ibu pejabat telah dianugerahi Sijil Perkhidmatan Terpuji ini pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan April 2012 pada 27 April 2012 yang lalu. Dengan matlamat untuk meningkatkan motivasi dan prestasi pegawai dalam Jabatan, inovasi ini akan dipanjangkan ke JBPM negeri pada tahun 2012. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menjelaskan kepada semua pegawai tentang peraturan, proses penyediaan LNPT dan SPT, Garis Panduan Penyediaan LNPT dan Pemberian SPT telah dikeluarkan pada 30 November 2012.

TATATERTIB

Unit Pengesan ataupun lebih dikenali dengan nama 'UNIT K9' adalah satu-satunya unit dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang menggunakan anjing-anjing pengesan dalam melakukan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan serta membantu dalam penyiasatan kebakaran. Anjing-Anjing penyelamat ini telah dilatih khas di United Kingdom dan kemudiannya menjalani proses penyesuaian iklim dan tatakerja di Malaysia untuk mengoptimumkan mutu dan menghasilkan output yang dikehendaki seiring dengan hasrat jabatan untuk menyediakan perkhidmatan yang bertaraf antarabangsa.

Rasional penubuhan Unit Pengesan adalah untuk memudahkan dan mengurangkan masa mencari dan menyelamatkan mangsa, di mana kita telah sedia maklum bahawa anjing-anjing pengesan mampu untuk mengesan mangsa dengan lebih cepat disebabkan anjing mempunyai deria bau yang amat kuat. Semasa operasi mencari dan menyelamatkan juga, umum mengetahui bahawa anggota penyelamat terdedah dengan bahaya - bahaya semasa melakukan kerja-kerja penyelamatan. Dengan adanya penggunaan anjing, maka risiko kemalangan semasa bertugas dapat dikurangkan.

Canine Unit is the only unit in FRDM that utilised dogs in search and rescue missions and assisting in fire investigation. These rescue dogs have been trained in United Kingdom and went through a familiarization to weather and work conduct process in Malaysia to optimized quality and produce the intended output in lined with the departments' desire to provide international standard services.

The rational of establishing the Canine Unit was to facilitate and reduce time to search and rescue victims, as we are aware search dogs are able to find is victims faster due to the keen sense of smell. It widely known that during search and rescue missions rescuers are exposed to hazards, with the usage of dogs, the risk will be minimized.

VISI

Vision

Menjadikan pasukan Unit Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah pasukan yang bertaraf antarabangsa setanding dengan pasukan – pasukan Anjing Penyelamat Antarabangsa yang sedia ada.

To form the Canine Unit of FRDM as an international team comparable to other presently international canine team.

MISI

Mission

Meningkatkan keberkesanan kerja – kerja mencari dan menyelamatkan dengan lebih cepat serta mengurangkan risiko kemalangan terhadap mangsa yang ditimpa bencana dan juga anggota penyelamat.

To rapidly improve the effectiveness of search and rescue task and reduce the risk of accidents to the victims or the rescuer.

OBJEKTIF

Objective

- Bagi meningkatkan keberkesanan kerja-kerja penyelamatan dengan lebih cepat, efektif serta mengurangkan risiko kemalangan kepada mangsa-mangsa yang ditimpa bencana mahupun kepada pihak penyelamat.
- Memberi bantuan kepada Unit Siasatan Kebakaran dalam menyiasat dan mengenalpasti punca-punca kebakaran yang melibatkan kes-kes arson ataupun punca-punca kebakaran yang sukar dikenalpasti.
- Meningkatkan keyakinan orang awam terhadap tugas, peranan, fungsi dan tanggungjawab Jabatan sejajar dengan visi jabatan iaitu ke arah sebuah perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan bertaraf antarabangsa.
- *To improve effectiveness and timeliness of search and rescue operation and reduce the risk of accidents to the victims or the rescuer.*
- *To assist Fire investigation Officers (FIO) in investigating and identifying causes of cases involving arson or crucial to identified causes.*
- *To enhance the public confidence about the duties, roles functions and responsibilities of the department in line with its vision to be an international fire and rescue organisation.*

PIAGAM PELANGGAN

Client Charter

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan bantuan bagi meningkatkan keberkesanan kerja- kerja mencari dan menyelamatkan serta penyiasatan kebakaran dengan lebih cekap dan tepat.

Our Commitment is to provide support to enhance the effectiveness of search and rescue operations and fire investigation more efficiently and accurately.

Dengan itu, Kami Berjanji akan:

Therefore, we pledge to :-

- Mengeluarkan pasukan bantuan (K9) dalam tempoh 15 minit dari mula loceng dibunyikan.
- Mengemukakan laporan khidmat bantuan dalam tempoh 7 hari dari tarikh tamat Operasi.
- *Dispatch the unit within 15 minutes upon the alarm bells ringing*
- *Prepare report of attended services within seven days from the date of completion of the operation.*

FUNGSI

Function

Fire Investigation (F.I) – Operasi penyiasatan kebakaran membantu Unit Siasatan Kebakaran dalam menyiasat punca- punca kebakaran yang melibatkan kes ARSON (perbuatan khianat) dan juga punca- punca kebakaran yang sukar dikenalpasti.

- i. **Search And Rescue Urban Disaster (UDSAR)** – Operasi mencari dan menyelamatkan mangsa hidup (life body) yang melibatkan :-
 - Kejadian runtuh bangunan
 - Runtuh struktur dalam tanah
 - Kejadian tanah runtuh
- ii. **Search And Rescue Cadaver (CADAVER)** – mencari dan mengesan mangsa yang telah mati di air atau di darat. Contohnya mangsa mati lemas ataupun mangsa yang telah mati dalam kejadian tanah runtuh dan juga runtuh bangunan.
- iii. **Search And Rescue (Wilderness)** – mencari, mengesan dan menyelamatkan orang hilang ataupun sesat di dalam hutan, gua dan kawasan tanah tinggi.


Fire Investigation (F.I) – Assist Fire Investigation Unit in investigating causes of fire involving arson cases, and other.

- i. **Search And Rescue Urban Disaster (UDSAR)** - Search and Rescue operation for life body involving:
 - Incidents of building collapse
 - Collapse of underground structure
 - Landslide
- ii. **Search And Rescue Cadaver (CADAVER)** – Search and detect corpses in water or on land. For example, drowning victims or victims of landslide and building collapse.
- iii. **Search And Rescue Wilderness (WILDERNESS)** – Search, track down and rescue of missing persons in the jungle, caves and highlands.



CARTA ORGANISASI UNIT PENGESAN

Organisation Chart of Canine Unit



PASUKAN ALFA / Team Alfa	
KB 26	KS PBT Genason a/I Muniandy
KB 24	KD PBK I Hamdi Wahab
KB 24	KD PBK I Rahmadhana Binti Rusdian
KB 24	KD PBK I Welfred Louis
KB 24	KD PBK I Yogaraja A/L Nadaraja
KB 22	PA PBK II Chandran A/L Raju
KB 22	PA PBK II Dominis Anak Girai
KB 22	PA PBK II Logeswaran A/L Lavan
KB 22	PA PBK II Thivagarana A/L Yutaman
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 17	PP PB Dennis Wan Jau
KB 17	PP PB Kenneth Ak Masir
KB 17	PP PB Dennis Ak Augustine
KB 17	PP PB Rano Sukarno Bin Wang
KB 17	PP PB James Jamat
KB 17	PP PB Peter Huang
KB 17	PP PB Harry Holy
KB 17	PP PB Fredmiller Anak Bahar
KB 17	PP PB Maxwell Joe Ak R. Sampa

PASUKAN BRAVO / Team Bravo	
KB 26	KS PBT Kamarullizam Dahalan
KB 24	KS PBK I Mohd Masri (P)
KB 24	KD PBK I Ravi A/L Perumal
KB 24	KD PBK I Mohan A/L Mahalingam
KB 24	KD PBK I Mohd Saruan Bin Sukadi
KB 24	KD PBK I Baharin (P)
KB 22	PA PBK II Ronnie Robert
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 22	PA Kosong / Vacant
KB 17	PP PB Helman Main
KB 17	PP PB Gary Thompson Ak Lemond
KB 17	PP PB Lacey Elizabeth Stanley
KB 17	PP PB Bartholomeus Petrus
KB 17	PP PB Andrew A/L Vengitasamy
KB 17	PP PB Raziman Ak Bah Eding
KB 17	PP PB Thompson Ak Kalam
KB 17	PP PB Megat Ak Junau
KB 17	PP PB Steven Ak Ambu

KEKOSONGAN JAWATAN	
Vacancies	
KB 41	1
KB 29	1
KB 22	11
N 17	2

RINGKASAN JAWATAN

Abbreviation of Posts

KUP - Ketua Unit Pengesan

KUP - Head of K9 Unit

KPL - Ketua Pegawai Latihan

KPL - Head of Training

PL - Pegawai Latihan

PL - Training Officer

PPL - Pembantu Pegawai Latihan

PPL - Assistant Training Officer

KS - Ketua Seksyen

KS - Head of Section

KD - Ketua Disiplin

KD - Head of Discipline

PA - Pemegang Anjing

PA - Dog Handler

PP - Pembantu Pemegang

PP - Assistant Dog Handler

KPT - Ketua Pembantu Tadbir

KPT - Head of Administrative Assistant

PT (P/O) - Pembantu Tadbir

PT (P/O) - Administrative Assistant

PT (W) - Pembantu Tadbir Kewangan

PT (W) - Finance Administrative Assistant

P - Dipinjamkan

P - Secanded

PERANGKAAAN OPERASI MELIBATKAN KHIDMAT UNIT PENGESAN JBPM MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA TAHUN 2012

Operation Statistics Involving Canine Unit, Fire and Rescue Department of Malaysian for the Year 2012

Negeri <i>State</i>	Jumlah Panggilan <i>Calls</i>	Siasatan Kebakaran <i>Fire Investigation</i>		Mencari & Menyelamat <i>Search and Rescue</i>	
		NEGATIF <i>Negative</i>	POSITIF <i>Positive</i>	NEGATIF <i>Negative</i>	POSITIF <i>Positive</i>
Perlis	-	-	-	-	-
Kedah	21	4	15	-	2
Pulau Pinang	4	4	-	-	-
Perak	42	10	22	8	2
Selangor	107	26	68	10	3
WP K. Lumpur	11	1	8	2	-
N. Sembilan	12	6	6	-	-
Melaka	-	-	-	-	-
Johor	11	2	6	1	2
Pahang	12		2	5	5
Terengganu	4	1	1	1	1
Kelantan	1	-	-	-	1
Sabah	-	-	-	-	-
Sarawak	-	-	-	-	-
Putrajaya	3	1	1	1	-
JUMLAH / Total	228	55	129	28	16

Nota / Note:

*NEGATIF = Mengesahkan tiada bahan bakar wujud di kawasan kebakaran / Mengesahkan tiada mangsa

*POSITIF= Berjaya mengesan bahan bakar di kawasan kebakaran / Berjaya mengesan mangsa hidup atau mati

*Negative - source of fire in confirmed unavailable / no victims

*Positive - source of fire is successfully identified / life or dead victims are identified

- Pada tahun 2012 unit ini telah menghadiri sebanyak 228 bagi bantuan perkhidmatan penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamat di seluruh negara.
 - Bantuan penyiasatan kebakaran mencatatkan panggilan yang paling banyak iaitu 184 bilangan berbanding dengan operasi mencari dan menyelamat iaitu 44 bilangan.
 - Daripada 184 kehadiran dalam bantuan penyiasatan kebakaran, unit ini berjaya menemui bahan bukti dalam 129 kes penyiasatan kebakaran dan mengesahkan tiada bahan bakar dalam 55 kes penyiasatan kebakaran. Satu peningkatan cemerlang.
 - Daripada 44 kehadiran bantuan operasi mencari dan menyelamat, unit ini berjaya menemui mangsa dalam 16 kehadiran manakala mengesahkan tiada mangsa dalam 28 kehadiran. Walaupun secara purata penemuan mangsa adalah lebih kecil daripada pengesanan tiada mangsa, ini tidak menunjukkan peningkatan yang sederhana kerana kebanyakan mangsa telah berjaya ditemui oleh penyelamat semasa unit ini dalam perjalanan ke tempat operasi.
 - Setiap operasi yang dihadiri oleh unit ini telah mencapai objektif jabatan dalam penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamat.
- In 2012 this unit had attended to 228 cases in assisting fire investigation and search and rescue operations all over the country.
 - Fire investigation received the most call with 184 cases compared with search and rescue of 44 calls.
 - Out of 184 fire investigation cases, this unit found evidences for 129 fire investigation cases and confirmation of non-combustible material in 55 fire investigation cases. This was an excellent improvement.
 - Out of 44 attended search and rescue operations, 16 cases were found and confirmation of non victim in 24 cases. Although on average the number of found victims were lower than confirmation of non-victim, this does not shows a moderate increase since most victims were found by rescuer while the unit was on their way to the venue.
 - Every operations involved had achieved the Departments' objectives in fire investigation and search and rescue operation.

ANALISA PENCAPAIAN UNIT PENGESAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Achievement Analysis of Canine Unit Fire and Rescue Department of Malaysia

BIL No	NEGERI State	TAHUN / Year 2011		TAHUN / Year 2012	
		FI	SAR	FI	SAR
1	Perlis	-	1	-	-
2	Kedah	3	-	19	2
3	Pulau Pinang	19	1	4	-
4	Perak	6	11	32	10
5	Kuala Lumpur	6	4	9	2
6	Selangor	37	10	94	13
7	Putrajaya	-	-	2	1
8	Negeri Sembilan	7	1	12	-
9	Melaka	2	-	-	-
10	Johor	8	4	8	3
11	Pahang	-	8	2	10
12	Terengganu	-	4	2	2
13	Kelantan	-	1	-	1
JUMLAH / Total		88	45	184	44
JUMLAH KESELURUHAN <i>Overall Total</i>		361			

Nota / Note:

*FI = Khidmat Bantuan Penyiasatan Kebakaran / *Fire Investigation Assistance*

*SAR = Khidmat Bantuan Mencari dan Menyelamat / *Search and Rescue*

1. Pencapaian Unit Pengesan bagi dua tahun iaitu dari 2011 hingga 2012 mencatatkan peningkatan perkhidmatan unit ini iaitu sebanyak 361 bilangan berbanding dengan sembilan tahun yang lepas, mencatatkan 680 bilangan dari 2003 hingga 2011.
 2. Pada sepuluh tahun yang lepas unit ini hanya menghadiri purata 75 panggilan bagi setahun untuk bantuan perkhidmatan penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamat.
 3. Bagi dua tahun yang lepas, unit ini telah menghadiri purata 180 panggilan bagi setahun untuk bantuan perkhidmatan penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamat.
 4. Ini menunjukkan keperluan unit ini adalah sangat penting dan positif dalam menyelesaikan sesuatu penyiasatan kebakaran serta dalam operasi mencari dan menyelamat dengan penggunaan anjing-anjing pengesan yang cekap.
1. *K9 Units' achievement for the year 2011 and 2012 showed an increment amounting to 361 cases compared to the last 9 years, amounting to a total of 680 from the year 2003 to 2011.*
 2. *In the last 10 years this unit attended to an average of 75 calls to operation per year for fire investigation and search and rescue services.*
 3. *For the last 2 years, this unit attended to an average of 180 calls to operation per year for fire investigation and search and rescue services.*
 4. *This shows the positive importance of the unit in completing fire investigations and search and rescue operations utilizing efficient dogs*

JADUAL A1 / Table A1

**PERANGKAAAN OPERASI MELIBATKAN
KHIDMAT SIASATAN KEBAKARAN / KHIDMAT MENCARI DAN MENYELAMAT TAHUN 2012**
Operation Statistics Involving Fire Investigation / Search and Rescue Services for the Year 2012

Bil No	Jenis Khidmat Type of Services	Jumlah Panggilan Number of Calls	Jumlah Terlibat / Involvement				
			Anggota Personnel	Anjing Pengesan / Dogs			
				Fire Investigation	Urban Disaster	Cadaver	Wilderness
1	Siasatan Kebakaran <i>Fire Investigation</i>	184	706	366	-	-	-
2	Mencari & Menyelamat <i>Search and Rescue</i>	44	178	-	8	54	36
Jumlah / Total		228	884	366	8	54	36

JADUAL A2 / Table A2

**PERANGKAAAN OPERASI MELIBATKAN KHIDMAT UNIT PENGESAN JBPM
MENGIKUT NEGERI DIMALAYSIA TAHUN 2012**
Operation Statistics Involving Canine Unit of FRDM by States for the Year 2012

Negeri State	Jumlah Panggilan Total Calls	Siasatan Kebakaran <i>Fire Investigation</i>		Mencari & Menyelamat <i>Search and Rescue</i>	
		NEGATIF <i>Negative</i>	POSITIF <i>Positive</i>	NEGATIF <i>Negative</i>	POSITIF <i>Positive</i>
Perlis	-	-	-	-	-
Kedah	21	4	15	-	2
Pulau Pinang	4	4	-	-	-
Perak	42	10	22	8	2
Selangor	107	26	68	10	3
WP K. Lumpur	11	1	8	2	-
N. Sembilan	12	6	6	-	-
Melaka	-	-	-	-	-
Johor	11	2	6	1	2
Pahang	12	-	2	5	5
Terengganu	4	1	1	1	1
Kelantan	1	-	-	-	1
Sabah	-	-	-	-	-
Sarawak	-	-	-	-	-
Putrajaya	3	1	1	1	-
JUMLAH / Total	228	55	129	28	16

JADUAL B1 / Table B1

**PERANGKAAAN KHIDMAT SIASATAN KEBAKARAN MELIBATKAN KHIDMAT UNIT PENGESAN JBPM
MENGIKUT JENIS KEBAKARAN DI MALAYSIA TAHUN 2012**

*Operation Statistics of Fire Investigation Involving Canine Unit of FRDM According to
Types of Fire for the Year 2012*

JENIS KEBAKARAN <i>Type of Fire</i>	JUM	PLS	KED	P.P	PRK	SEL	K.L	N.S	MLK	JOH	PHG	TRG	KLT	SBH	SWK	PTJ
Bangunan / Building	143	0	18	4	17	73	6	12	0	8	2	1	0	0	0	1
Kenderaan / Vehicle	36	0	1	0	14	19	2	0	0	0	0	0	0	0	0	
Mesin Berjentera <i>Motorized Machines</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Alat Perkakas / Tools	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kapal Terbang / Helikopter <i>Aeroplane/Helicopter</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kapal Laut / Feri/Bot <i>Ship/Ferry/Boat</i>	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Gerai / Stall	2	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Lain-Lain / Other	3	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0
JUMLAH / Total	184	0	19	4	32	94	9	12	0	8	2	2	0	0	0	2

JADUAL B2 / Table B2

**PERANGKAAAN KHIDMAT SIASATAN KEBAKARAN MELIBATKAN KHIDMAT UNIT PENGESAN JBPM
MENGIKUT JENIS KEBAKARAN BANGUNAN DI MALAYSIA TAHUN 2012**

*Operation Statistics Of Fire Investigation Involving Canine Unit of FRDM
According to Types of Building for the Year 2012*

JENIS BANGUNAN <i>Type of Building</i>	PLS	KED	P.P	PRK	SEL	K.L	N.S	MLK	JOH	PHG	TRG	KLT	SBH	SWK	PTJ	JUMLAH <i>Total</i>
Kedai / Shop	0	4	2	4	19	3	5	0	2	1	0	0	0	0	0	40
Kilang / Factory	0	4	0	3	15	0	2	0	5	0	0	0	0	0	0	29
Setor / Store	0	1	0	0	5	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	7
Workshop / Workshop	0	1	0	14	21	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	38
Hotel / Hotel	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Pusat Beli-Belah <i>Shopping Center</i>	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Pejabat / Office	0	0	0	1	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Tempat Perhimpunan <i>Community Centre</i>	0	1	0	0	3	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	6
Restoran / Restaurant	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Rumah Kediaman <i>Residence</i>	0	2	2	9	16	0	5	0	1	0	1	1	1	1	1	37
Setinggan / Squatters	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Bilik Dapur / Kitchen	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Makmal / Lab	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Institusi / Sekolah <i>Institute/School</i>	0	2	0	0	2	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	5
Asrama / Hostel	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Hospital / Klinik <i>Hospital/Clinic</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Godown / Warehouse	0	2	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5
Lain-Lain / Others	0	0	0	0	4	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	6
JUMLAH / Total	0	19	4	32	94	9	12	0	8	2	2	0	0	0	2	184

JADUAL C1 / Table C1
**PERANGKAAAN KHIDMAT MENCARI DAN MENYELAMAT MELIBATKAN KHIDMAT
UNIT PENGESAN JBPM DI MALAYSIA TAHUN 2012**
Operation Statistics of Search and Rescue Involving Canine Unit of FRDM for the Year 2012

JENIS KHIDMAT KHAS <i>Type of Special Services</i>	JUM	PLS	KED	P.P	PRK	SEL	K.L	N.S	MLK	JOH	PHG	TRG	KLT	SBH	SWK	PTJ
A. PENYELAMATAN BENCANA <i>Natural Disaster Rescue</i>																
1. Banjir / Flood	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2. Tanah Runtuh / Landslide	2	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3. Bangunan Runtuh <i>Building Collapse</i>	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4. Lain-Lain / Others	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
B. PENYELAMAT ORANG HILANG / SESAT <i>Missing persons / Lost Rescue</i>																
1. Gua / Caves	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2. Hutan / Jungle	15	0	0	0	4	2	0	0	0	2	6	0	0	0	0	1
3. Tanah Tinggi / Highlands	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4. Lain-lain / Others	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
C. PENYELAMAT ORANG LEMAS <i>Drowning Rescue</i>																
1. Lemas Dalam Air <i>Drown in Water</i>	26	0	2	0	6	9	1	0	0	1	4	1	2	0	0	0
2. Lemas Dalam Pembentungan <i>Drown in sewer</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3. Lain-Lain / Other S&R	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
D. TUGAS BERSEDIA <i>Stand-by Duties</i>																
JUMLAH / Total	44	0	2	0	10	13	2	0	0	3	10	1	2	0	0	1
Lain-Lain / Others	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH / Total	44	0	2	0	10	13	2	0	0	3	10	1	2	0	0	1

**KESIMPULAN DARIPADA ANALISA PENCAPAIAN
UNIT PENGESAN JBPM**

Kesimpulan daripada Analisa Pencapaian Unit Pengesan JBPM pada tahun 2012 adalah cukup responsif dengan bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamat. Perangkaan setiap tahun menunjukkan tiada penurunan bagi permintaan unit ini dalam membantu tugas jabatan bagi penyiasatan dan penyelamatan. Panggilan bantuan penyiasatan kebakaran sentiasa meningkat dari masa ke masa sehingga berjaya membawa ke penemuan bahan bukti (Accelerent) di tempat kebakaran menyumbangkan kepada panggilan paling tinggi dalam unit ini berbanding panggilan bantuan untuk penyelamatan. Manakala anjing-anjing pengesan yang terlatih khas untuk bidang penyelamatan seperti mengesan jejak (Wilderness), mayat (Cadaver) dan mangsa hidup (UDSAR) juga menyumbang kejayaan dalam penemuan mangsa dalam pelbagai operasi mencari dan menyelamat.

**CONCLUSION OF ACHIEVEMENT ANALYSIS BY FRDM
CANINE UNIT**

Conclusion of achievement Analysis by FRDM K9 unit in 2012 was quite responsive in assisting fire investigation and search and rescue operations. Statistics showed there was no decline in demand for the services of this unit in assisting the department investigation and rescue assignments. Calls for assistance in Fire investigation increased from time to time leading to successful discovery of evidence (Accelerant) at the scene contributed to highest calls received in this unit compared to calls for rescue. While the dogs were specially trained in rescue areas such as trail tracking (Wilderness), Cadaver and live victim (UDSAR), they also contributed to the success of victim discovery in various other search and rescue operations.

ANALISA LATIHAN UNIT PENGESAN JBPM
Training Analysis of FRDM Canine Unit

BULAN Month	TAHUN / Year 2011				TAHUN / Year 2012			
	KEKERAPAN LATIHAN / Training Frequency				KEKERAPAN LATIHAN / Training Frequency			
	FI	UD	CADAVER	WILDERNESS	FI	UD	CADAVER	WILDERNESS
JANUARI / January	10	13	11	10	5	12	8	9
FEBRUARI / February	7	9	5	5	11	12	10	13
MAC / March	16	10	11	17	12	13	9	14
APRIL / April	14	13	11	8	10	9	11	11
MEI / May	12	12	7	3	2	9	3	8
JUN / June	16	12	4	6	1	5	2	7
JULAI / July	12	11	6	10	14	8	4	5
OGOS / August	6	1	1	6	6	13	6	11
SEPTEMBER / September	16	13	9	18	3	10	1	12
OKTOBER / October	16	13	7	17	18	14	7	8
NOVEMBER / November	5	8	7	17	17	15	4	12
DISEMBER / December	13	7	9	5	12	5	8	8
JUMLAH / Total	143	122	88	122	111	125	73	118

* Jadual di atas menunjukkan perbandingan statistik latihan tahun 2011 dan 2012.

Terdapat penurunan jumlah latihan kerana peningkatan panggilan operasi.

* Table above indicated the comparative training statistics for 2011 and 2012.

There was a decline in the total number of trainings due to increase of calls for operation.

STATISTIK LATIHAN UNIT PENGESAN JBPM BAGI TAHUN 2012
Training Statistics of FRDM Canine Unit for the Year 2012

BULAN Month	Fire Investigation			Urban Disaster			Cadaver			Wilderness			Jumlah Kekerapan Total Frequency
	Penglibatan Involving		Kekerapan Latihan Training Frequency	Penglibatan Involving		Kekerapan Latihan Training Frequency	Penglibatan Involving		Kekerapan Latihan Training Frequency	Penglibatan Involving		Kekerapan Latihan Training Frequency	
	Anggota Personnel	Anjing Dog		Anggota Personnel	Anjing Dog		Anggota Personnel	Anjing Dog		Anggota Personnel	Anjing Dog		
Januari January	10	10	5	27	28	12	17	15	8	18	17	9	34
Februari February	33	20	11	24	24	12	24	19	10	23	17	13	46
Mac March	27	23	12	92	55	13	42	32	9	18	16	14	48
April / April	23	19	10	25	23	9	30	22	11	23	18	11	41
Mei / May	2	2	2	18	19	9	7	7	3	23	16	8	22
Jun / June	2	2	1	17	13	5	5	5	2	17	12	7	15
Julai / July	43	25	14	19	19	8	11	9	4	9	8	5	31
Ogos August	16	12	6	28	30	13	24	12	6	29	20	11	36
September September	4	3	3	27	25	10	2	2	1	23	17	12	26
Oktober October	60	34	18	44	38	14	13	13	7	18	18	8	47
November November	45	30	17	47	44	15	14	5	4	23	21	12	48
Disember December	25	26	12	15	14	5	14	14	8	18	15	8	33
JUMLAH Total	290	206	111	383	332	125	203	155	73	242	195	118	427

STATISTIK PAMERAN/DEMO/CERAMAH UNIT PENGESAN JBPM BAGI TAHUN 2012
Statistics of Exhibition/Demo/Talk of FRDM Canine Unit for the year 2012

BULAN <i>Month</i>	Pameran / <i>Exhibition</i>			Demo / <i>Demo</i>			Ceramah / <i>Talk</i>		
	Penglibatan <i>Involvement</i>		Kekerapan <i>Frequency</i>	Penglibatan <i>Involvement</i>		Kekerapan <i>Frequency</i>	Penglibatan <i>Involvement</i>		Kekerapan <i>Frequency</i>
	Anggota <i>Personnel</i>	Anjing <i>Dog</i>		Anggota <i>Personnel</i>	Anjing <i>Dog</i>		Anggota <i>Personnel</i>	Anjing <i>Dog</i>	
Januari <i>January</i>	4	0	1	4	4	1	0	0	0
Februari <i>February</i>	2	0	1	0	0	0	0	0	0
Mac / <i>March</i>	0	0	0	15	6	2	2	0	1
April / <i>April</i>	6	2	1	0	0	0	0	0	0
Mei / <i>May</i>	3	0	1	29	20	4	0	0	0
Jun / <i>June</i>	2	0	1	12	12	2	0	0	0
Julai / <i>July</i>	1	0	1	16	16	3	2	0	2
Ogos / <i>August</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
September <i>September</i>	2	0	1	9	2	1	1	0	1
Oktober <i>October</i>	0	0	0	10	4	1	0	0	0
November <i>November</i>	0	0	0	12	6	1	0	0	0
Disember <i>December</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH <i>Total</i>	20	2	7	107	70	15	5	0	4



PROGRAM DAN AKTIVITI UNIT PENGESAN

Activity and Programme by Canine Unit

INTERNATIONAL SEARCH AND RESCUE EXERCISE MALAYSIA (ISM)

Pada 25.11.2012, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengadakan satu latihan bersama melibatkan agensi – agensi penyelamatan seluruh negara dan juga antarabangsa yang mana turut disertai oleh agensi – agensi penyelamatan dari negara lain, iaitu Brunei International Rescue Detachment (BIRD) yang mewakili Negara Brunei Darussalam, Singapura juga turut menghantar wakil iaitu Disaster Assistant Rescue Team (DART), manakala Malaysia diwakili oleh Special Malaysia Disaster Assistant and Rescue Team (SMART) dan juga Unit Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Latihan tersebut diadakan di Tasik Timah Tasoh, Perlis.

INTERNATIONAL SEARCH AND RESCUE EXERCISE MALAYSIA (ISM)

On 25.11.2012, National Security Council (MKN) had conducted a joint exercise involving national and international rescue agencies and participated by several countries such as Brunei International Rescue Detachment (BIRD) from Brunei Darussalam, Singapore sent their Disaster Assistant Rescue Team (DART) and Malaysia was represented by Special Malaysia Disaster Assistant and Rescue Team (SMART) and K9 unit of FRDM..The exercise was conducted at Tasik Timah Tasoh, Perlis.



Seramai 6 orang terdiri daripada seorang pegawai kanan dan lima pemegang dari Unit Pengesan terlibat dalam latihan bersama tersebut.

6 personnel consisting of a senior officer and 5 handlers from the K9 unit were involved in the joint exercise.

Latihan bersama yang berlangsung dari 26 hingga 30 November 2012 itu bertujuan untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran masing – masing dalam tugas penyelamatan. Ini sebagai persediaan untuk menangani bencana- bencana alam yang kerap berlaku di negara – negara yang mengambil bahagian dalam latihan tersebut.

The exercise was on 26 to 30 November 2012 with the intention of sharing of knowledge, experiences and specialty in rescue duties. This was in preparedness to address any natural disasters that frequently occurred in the participating countries



Di kalangan badan – badan penyelamat yang menyertai latihan tersebut, Unit Pengesan adalah satu – satunya unit penyelamat yang menggunakan anjing bagi membantu tugas penyelamatan. Dan ramai pihak memuji dan menyatakan hasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan Unit Pengesan dalam tugas – tugas penyelamatan.

Between the participants of the exercise, the K9 unit was the only rescue unit utilizing dogs in assisting rescues. Several parties highly praised and showed interest to foster cooperation with the K9 unit in rescue operations.

Hasil daripada demonstrasi yang ditunjukkan, Unit Pengesan telah menerima banyak maklum balas positif daripada agensi – agensi yang terlibat dalam latihan bersama tersebut.

Results of demonstrations, the K9 unit received much positive feedback from agencies participating in the joint exercise.

LATIHAN PRAKTIKAL BAGI KURSUS SAR WILDERNESS SIRI 1/2012

Pada 13 hingga 15 Mac 2012, Unit Pengesan telah mengadakan latihan praktikal bagi kursus SAR Wilderness siri 1/2012. Latihan yang dikendalikan oleh FRAM Wakaf Tapai ini berlangsung selama 3 hari bertempat di kawasan Tasik Kenyir, Terengganu.

Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk menyelaraskan bidang tugas dan prosedur kerja semasa operasi mencari mangsa hilang di hutan di antara Unit Pengesan dan juga balai – balai negeri.

Selain daripada itu, matlamat utama latihan ini adalah untuk memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada anggota balai negeri, manual prosedur kerja yang digunakan oleh Unit Pengesan dalam pengendalian anjing semasa operasi dijalankan. Dengan itu, setiap operasi yang dihadiri oleh Unit Pengesan bersama – sama dengan anggota balai akan menjadi efisien dan cekap.

Keberkesanan latihan ini telah dapat dibuktikan apabila Unit Pengesan telah berjaya menemui mangsa sesat di Bukit Larut, Taiping, Perak pada 8 Februari 2012.

PRACTICAL TRAINING FOR WILDERNESS SAR COURSE SERIES 1/2012

On 13 to 15 March 2012, the K9 unit conducted practical training for Wilderness SAR course Series 1/2012. Training was conducted at FRAM Wakaf Tapai for 3 days in the vicinity of Tasik Kenyir, Terengganu.

The objectives of the training were to coordinate duties and work procedures during search and rescue of missing persons in the jungle between K9 unit and state fire stations.

Besides that, the main objective of the training was to introduced and exposed the personnel from the state fire stations to the work procedure manual utilized by K9 unit in handling of dogs during operations. With that, every operations attended by any K9 unit and state fire stations personnel will be efficient.

Effectiveness of the training was proven when the K9 unit was successful in locating lost victims at Bukit Larut, Taiping, Perak on 8 February 2012.



LAWATAN PASUKAN SMART KE UNIT PENGESAN

Pada 24.09.2012, Pasukan SMART telah membuat lawatan ke Unit Pengesan. Rombongan seramai 30 orang itu diketuai oleh DSP Peter Jony Bin Tony dan dibantu oleh Kapten Halimi sampai di Unit Pengesan tepat jam 10 pagi. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturahmi dan belajar serba sedikit mengenai tatacara kerja Unit Pengesan dalam penyelamatan dan siasatan kebakaran.

VISIT FROM SMART TEAM TO CANINE UNIT

In 24.09.2012, SMART team visited the K9 unit. The delegate of 30 personnel, lead by DSP Peter Jony Bin Tony and assisted by Capten Halimi arrived at the unit at 10.00am. The visit was to foster relationship and to educate on the work flow of K9 Unit in rescue operation and fire investigation.



Pasukan SMART dan Unit Pengesan telah lama bekerjasama dalam menjayakan misi menyelamatkan terutamanya melibatkan bangunan runtuh dan juga tanah runtuh. Untuk itu, lawatan ini juga bertujuan sebagai platform untuk suai kenal antara anggota Unit Pengesan dan juga Pasukan SMART. Ini secara tidak langsung akan memudahkan sistem komunikasi antara para anggota penyelamat semasa menjalani operasi.

The K9 unit and The SMART team have long been cooperating in rescue missions involving building collapse and landslide. With that, the visit was also as an orientation platform between the K9 unit and SMART team. This indirectly will facilitate the communication system between rescue personnel during rescue operations.



LAWATAN PEGAWAI K9 ABU DHABI

Pada 09.11.2012, Unit Pegasan telah menerima kunjungan daripada Pegawai K9 dari Abu Dhabi. Seramai 3 orang pegawai telah datang ke Unit Pegasan, yang mana tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk mempelajari bagaimana Unit Pegasan melatih dan bekerja dengan anjing dalam bidang kerja penyelamatan dan siasatan kebakaran.

Kedatangan rombongan seramai 3 orang pegawai iaitu L.T Colonel. Hashim Al Sayed Al Hashmy, Encik Ahmed Ibrahim dan Encik Neil Barnes juga bertujuan untuk menjalinkan kerjasama serantau dari segi latihan dan perkongsian maklumat mengenai anjing penyelamat. Mereka juga turut disajikan dengan demonstrasi latihan anjing penyelamat (SAR) Urban Disaster dan juga (SAR) Cadaver. Hasil daripada lawatan tersebut, mereka kagum dengan sistem pengurusan tugas yang kemas dan tersusun. Pegawai rombongan tersebut juga berhasrat untuk mengaplikasikan prosedur kerja Unit Pegasan ke dalam sistem pengurusan kerja mereka di Abu Dhabi, di samping berharap untuk bekerjasama menangani krisis bencana serantau di masa akan datang.



VISITS FROM ABU DHABI CANINE DELEGATION

On 09.11.2012, K9 unit received a visit from K9 Officials consisting of 3 officers from Abu Dhabi. The main objectives of the visit were to study on how the K9 unit trained and worked with the dogs in rescue operations and fire investigation.

Arrival of the delegations, consisting of 3 officers; Lt Colonel. Hashim Al Sayed Al Hashmy, Mr. Ahmed Ibrahim and Mr. Neil Barnes with the objective of fostering regional cooperation in the matter of training and exchange of knowledge on rescue dogs. They were presented with UDSAR and CADAVER rescue demonstration. They were impressed with the organized and orderly manner of the operations management system. The delegates wish to apply the work procedure of the K9 Unit into their work management system, while hoping to collaborate in handling regional disaster crisis in the future.

MAJLIS PENUTUPAN HARI GAWAI DAN KAAMATAN

Pada 30.06.2012 Unit Pengesan telah mengadakan Majlis Penutupan Hari Gawai dan Kaamatan bertempat di perkarangan padang kawad Unit Pengesan. Majlis ini bertujuan untuk meraikan anggota yang menyambut perayaan Gawai dan Kaamatan di mana majority anggota Unit Pengesan terdiri dari penduduk Sabah dan Sarawak berbilang kaum.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh PKPJB Edwin Galan Teruki dari ibu pejabat Jabatan Bomba Putrajaya. Turut meramaikan majlis tersebut adalah pegawai – pegawai kanan dari Ibu Pejabat Putrajaya, bekas – bekas anggota Unit Pengesan dan pegawai dari bahagian siasatan kebakaran Kuala Lumpur dan Selangor.

HARI GAWAI AND KAAMATAN CLOSING CEREMONY

On 30.06.12, K9 Unit held a closing ceremony for Hari Gawai dan Kaamatan at K9 units' marching ground compound. The ceremony was for personnel that celebrate Hari Gawai dan Kaamatan whereby majority of the multi-cultural K9 personnel hailed from Sabah and Sarawak.

The ceremony was officiated by PKPJB Edwin Galan Teruki along with senior officers from FRDM HQ Putrajaya. Also present were ex-members of K9 unit and officers from fire investigation unit of Kuala Lumpur and Selangor.



MESYUARAT BULANAN DAN KIT INSPECTION UNIT PENGESAN

Pada 09.07.2012, Unit Pengesan telah mengadakan mesyuarat bulanan dan Kit Inspection bertempat di perkarangan padang kawad Unit Pengesan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan masalah semasa dan juga untuk mengusulkan perkara – perkara berkaitan Unit Pengesan.

Manakala Kit Inspection pula bertujuan untuk mengenalpasti dan memastikan segala keperluan peralatan operasi terutamanya anjing pengesan berada dalam keadaan sihat dan boleh bekerja pada bila – bila masa.

MONTHLY MEETING AND CANINE INSPECTION KIT

On 09.07.2012, K9 unit conducted its monthly meeting and Kit Inspection at K9 units' marching ground compound. The meeting was to discussed current matters and to proposed matters pertaining to K9 unit.

Kit inspection was to indentify and ensuring all operation equipments especially the dogs were in healthy condition and able to be deployed at a moments notice.



SAMBUTAN HARI DEEPAVALI 2012

Tanggal 01.12.2012, Unit Pengesan telah mengadakan Perayaan Hari Deepavali bertempat di perkarangan padang kawat Unit Pengesan. Tujuan utama aktiviti ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim di kalangan anggota Unit Pengesan dan secara tidak langsung memperkenalkan budaya dan cara sambutan kaum India menyambut Perayaan Deepavali.

Sambutan perayaan Deepavali turut dimeriahkan dengan kedatangan Penguasa Kanan Bomba II Murugiah selaku tetamu VIP pada malam tersebut, di mana beliau telah merasmikan acara pada malam itu.

DEEPAVALI CELEBRATION 2012

On 01.12.2012, K9 Unit held Deepavali celebration at K9 units' marching ground compound. Main objective of the activity was to further foster a better relationship between personnel of K9 Unit and indirectly exposed the Indian culture and celebrations of Deepavali.

The Deepavali celebration was graced by the presence of PKB II Murugiah VIP guest of the night, whereby he officiated the nights' event.





UNIT DISIPLIN

Discipline Unit

TUJUAN

Purpose

Melaporkan aktiviti Unit Disiplin Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sepanjang tahun 2012.

To report activities by Discipline Unit of Fire and Rescue Department of Malaysia during the year 2012.

SEJARAH PENUBUHAN

History of Establishment

Unit Disiplin ditubuhkan pada 01 Januari 2008 melalui Waran Perjawatan Bilangan S. 17 Tahun 2008, selaras dengan penyusunan semula struktur organisasi dan fungsi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Perjawatan yang telah diluluskan pada asalnya adalah terdiri daripada seorang Ketua Unit Gred KB48, dua orang Pegawai Unit Disiplin Gred KB44, seorang Pembantu Tadbir [Kesetiausahaan] Gred N17 dan seorang Pembantu Tadbir [Perkeranian / Operasi] Gred N17. Namun pada Tahun 2010 melalui Waran Perjawatan Bilangan S. 114 jawatan Pembantu Tadbir [Kesetiausahaan] Gred N17 di Unit Disiplin telah dimansuhkan.

Unit ini telah diletakkan secara langsung di bawah Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Discipline Unit was established on January 1, 2008 through a Warrant No S. 17 in 2008. The establishment was in line with the restructuring of the organisation and functions of the Fire and Rescue Department of Malaysia. The establishment was approved with a Grade KB48 as the head of unit, two Discipline Unit Officer Grade KB44, one Administrative Assistant [Secretarial] Grade N17, and one Administrative Assistant [Clerical / Operation] Grade N17. But in 2010 through Warrant No S. 114 the establishment for Administrative Assistant [Secretarial] Grade N17 Discipline Unit was abolished.

Discipline Unit was placed directly under the office of Director General of Fire and Rescue Department of Malaysia.

VISI

Vision

Untuk menjadi satu unit yang berwibawa dan berintegriti bagi menyumbang ke arah organisasi kebombaanan dan penyelamatan yang bertaraf antarabangsa.

To become a unit with integrity and credible in contributing towards international standards of fire and rescue organisation.

MISI

Mission

Unit Disiplin adalah komited untuk memperkasakan tahap disiplin pegawai-pegawai bomba melalui penguatkuasaan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003 / P.U (A) 388/2003.

Discipline Unit is committed in strengthening the discipline of the fire officers through enforcement of the Regulations on Public Officers (Conduct and Discipline) 1993 / PU (A) 395/1993 and Fire Officers Code of Conduct Regulations 2003.

OBJEKTIF

Objective

Untuk menjalankan siasatan dan melaporkan sebarang pelanggaran disiplin dan kod tatakelakuan pegawai dan kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan cekap dan berkesan.

To carry out an investigation and to report on any violation of rules in regard of discipline and conduct of officers and employees of the Fire and Rescue Department of Malaysia with efficient and effective.

FUNGSI

Function

Bertanggungjawab untuk menyiasat dan membuat laporan mengenai aduan, laporan atau maklumat berkaitan pelanggaran tatatertib dan tatasusila pegawai dan kakitangan JBPM berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993 dan Peraturan Kod Tatakelakuan Pegawai Bomba 2003.

To investigate and report on complaints, in relation to breach of any provision of discipline and conduct of officers and staff of FRDM based on the Regulations of the Public Officers (Conduct and Discipline) 1993 / P.U.(A) 395/1993 and Code of Conduct of Fire Officer Regulations.

Bertanggungjawab memastikan dan memantau pematuhan disiplin dan tatasusila oleh pegawai dan kakitangan JBPM.

Responsibilities in ensuring and monitoring the obedience of discipline and conduct of officers and staff of FRDM.

Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan keseluruhan kemudahan infrastruktur, jentera dan peralatan dibalai-balai JBPM berkaitan kesejahteraan dan suasana kerja yang kondusif bagi menjamin pegawai bomba dapat memberikan perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan yang melebihi ekspektasi pelanggan.

Responsible for planning and carrying out inspections and monitoring the infrastructure facilities, machinery and equipment related to FRDM fire stations for well-being and conducive working environment as to ensure fire officers' can provide fire and rescue services that exceed the customer expectations.

Bertanggungjawab melaksanakan sesi dialog berkaitan pematuhan disiplin dan tatasusila pegawai dan kakitangan JBPM.


Responsible in carrying out dialogue in relation to compliance with the discipline and conduct of officers and staff of FRDM.

Bertanggungjawab untuk mengkaji dan menyediakan dasar dan panduan disiplin serta tatasusila pegawai bomba.

Responsible in reviewing, to provide policy, disciplinary conduct and guide of fire officers.

CARTA ORGANISASI UNIT DISIPLIN

Organisation Chart of Discipline Unit



PIAGAM PELANGGAN

Client Charter

Komitmen kami adalah untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi peraturan dan tatasusila pegawai bomba yang sedang berkuatkuasa serta melaksanakan proses pengurusan aduan disiplin dengan cekap dan berkesan. Dengan itu kami berjanji akan :-


- Memberi maklumbalas aduan disiplin pegawai dan kakitangan bomba dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima sekiranya mendapat alamat lengkap.
- Menyediakan laporan lengkap siasatan aduan disiplin dalam tempoh empat belas (14) hari dengan syarat memperolehi keterangan semua saksi berkaitan dan bukti yang lengkap.
- Menyediakan laporan pemeriksaan disiplin ke balai-balai bomba dan tempat-tempat operasi secara mengejut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemeriksaan dilaksanakan.

Our commitment is to ensure that officers and staff are to comply with the rules and code of conduct of fire officers and to manage the complaints process efficiently and effectively. Therefore we pledge to:-

- *Give feedback to the complaints in regard with discipline of fire officers and staff within three (3) days from the date of receiving the complaint provided the address of the complainant is in full.*
- *To prepare an investigation report in regard with disciplinary complaint in fourteen (14) days provided all relevant witnesses' statement and evidences are in order.*
- *To prepare a report for disciplinary spot or periodical check and inspection to fire stations and places of operation in seven (7) days from the date of inspection.*


CARTA ALIR SIASATAN ADUAN DISIPLIN

ADUAN TIDAK RASMI



FLOW CHART OF DISCIPLINE COMPLAINT INVESTIGATION

INFORMAL COMPLAINT



PROGRAM SIASATAN ADUAN DISIPLIN

Disciplinary Complaint Investigations Program

Bilangan Aduan Disiplin Mengikut Cara Aduan Diterima.

Sepanjang tahun 2012, Unit disiplin telah menerima sebanyak 41 aduan disiplin. Aduan-aduan diterima melalui surat, e-mail, telefon, hadir sendiri ke Unit Disiplin dan melalui laporan akhbar. Daripada 41 aduan disiplin yang direkodkan, cara aduan melalui surat mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 26 aduan, diikuti aduan melalui telefon mencatatkan sebanyak 10 aduan, aduan melalui e-mail pula mencatatkan 4 aduan manakala aduan melalui laporan akhbar dan hadir ke Unit Disiplin masing-masing mencatatkan 1 aduan.

Kebanyakan aduan disiplin yang diterima adalah berkaitan dengan isu tatakelakuan seseorang pegawai awam menurut Peraturan-peraturan Pegawai Awam, (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993. Terdapat juga aduan yang berkaitan dengan masalah rumahtangga dan keluarga, melanggar perintah tetap jabatan dan prosedur kerja, penugasan kerja, tuduhan rasuah dan penyelewengan, pembiayaan kenderaan dan kad kredit dan sebagainya.

Number of Disciplinary Complaints According to Methods of Complaints Received.


In 2012, Discipline unit received 41 disciplinary complaints. Complaints were accepted through letters, e-mail, telephones, direct report to Discipline unit and news report. Of the 41 disciplinary complaints received, complaints through letter registered the highest number of complaints which was 26, followed by complaints through telephone which was 10, e-mail was 4 and 1 report each through newspaper and direct to the unit.

Most of the disciplinary complaints received were related to the issue of the code of conduct of a public officer according Public officer regulations (Conduct and Discipline) 1993/P.U(A) 395/1993. There were complaints regarding family and marital problems, violation of department standing orders and procedures, work assignment, allegations of corruption and misappropriation, vehicle financing, credit cards and so on.

**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(TATASUSILA PEGAWAI BOMBA) 2003/PU (A) 388/2003**
Fire Services Regulations (Fire Officer Ethics) 2003/PU (A) 388/2003

BIL. / No	CARA ADUAN / Method of Complaints	JUMLAH / Total
1.	Surat / Letters	25
2.	E-mail / e-mail	4
3.	Telefon / Telephone	10
4.	Hadir ke Unit Disiplin / Walk in to the Discipline Unit	1
5.	Laporan Akhbar / News Paper Report	1
JUMLAH BESAR / Total Number		41

BILANGAN ADUAN MENGIKUT CARA ADUAN DITERIMA
Number of Complaints by Method of Complaints Received



Bilangan Aduan Disiplin Mengikut Bulan

Aduan disiplin pada bulan Januari mencatatkan jumlah aduan tertinggi iaitu sebanyak tujuh (7) aduan diikuti pada bulan Februari dan April lima (5) aduan, Mac dan Disember empat (4) aduan, Jun, Julai, Ogos dan November tiga (3) aduan, bulan Mei dua (2) aduan manakala September dan Oktober satu (1) aduan.


Number of Disciplinary Complaints by Month

